

BAB 1 : KEMUNCULAN TAMADUN AWAL MANUSIA

Tamadun Indus

(a) Ciri-ciri bandar terancang

- Bandarnya terbahagi kepada dua bahagian
- dikelilingi oleh tembok
- Bahagian utama merupakan pusat pentadbiran dan keagamaan
- yang menempatkan bangunan pentadbiran, tempat mandi awam yang digunakan untuk upacara ritual dan pembersihan serta tempat penyimpanan hasil pertanian
- Bahagian kedua ialah kawasan perumahan
- Perancangan bandarnya dibantu oleh kemajuan ilmu geometri dan pembinaan
- Bandar disusun berasaskan blok-blok berbentuk segi empat
- Setiap blok dipisahkan oleh satu rangkaian jalan raya yang lurus dan bersambung antara satu sama lain
- Setiap bandar mempunyai sistem kumbahan yang terancang
- Selain jalanraya, bandar-bandar ini juga dihubungkan dengan sungai yang berfungsi sebagai jalan perhubungan

(b) Organisasi Sosial

- Jumpaan arkeologi membayangkan masyarakat di Lembah Indus terbahagi kepada dua golongan iaitu golongan atasan dan bawahan
- Golongan atasan terdiri daripada pendeta dan pedagang
- Kelas atasan yang utama ialah pendeta
- Mereka mempunyai kuasa dan pengaruh yang besar dalam mengawal aktiviti masyarakat terutamanya yang melibatkan kegiatan keagamaan
- Golongan bawahan memberi ketaatan kepada golongan pendeta
- Sejarawan berpendapat tampuk pemerintahan dipegang oleh pendeta
- Golongan bawahan terdiri daripada petani dan buruh
- Golongan petani menjalankan aktiviti pertanian dan menyalirkan sebahagian daripada hasil tersebut kepada pihak berkuasa
- Golongan buruh menjalankan kerja perburuhan seperti menjaga kebersihan bandar, membina tembok di benteng dan membina terusan

(c) Pengkhususan pekerjaan

- Masyarakat Indus menjalankan pelbagai kegiatan ekonomi seperti perdagangan, pertanian, pertukangan dan pembuatan
- Aktiviti perdagangan secara khusus membabitkan perdagangan luar termasuklah dengan Mesopotamia

- Dapat dibuktikan melalui penemuan cap mohor buatan masyarakat Lembah Indus di Mesopotamia
- Hasil perdagangan yang penting seperti emas, gading gajah, manik, dan hasil pertanian
- Petani menanam barli, kacang dan sebagainya
- Terdapat juga penduduk yang menjadi artisan dan terlibat dalam pembinaan dan penghasilan barangan logam dan barangan tembikar

(d) Amalan agama

- Penemuan patung dan ukiran yang mempunyai unsur keagamaan membuktikan masyarakat Indus mempunyai amalan agama
- Penemuan patung proto-Siva – seseorang duduk bersila dengan stail yoga dan terdapat tiga tanduk di kepalanya yang melambangkan Dewa Brahma, Vishnu dan Siva
- Kewujudan objek proto-Siva ini menjadi sangat penting yang berkaitan dengan agama Hindu
- Mereka juga percaya kepada Tuhan Ibu
- Dapat dibuktikan dengan penemuan patung wanita. Tuhan Ibu disembah oleh masyarakat Lembah Indus bagi melambangkan kesuburan

(e) Sistem Tulisan

- Berbentuk piktograf
- Tulisan Tamadun Indus masih lagi menjadi misteri dan masih belum dapat ditafsirkan

Sumbangan Tamadun Indus

(a) Perancangan Bandar

- Bandar terancang seperti Mohenjo-Daro dan Harappa
- Pemahaman tentang ilmu geografi, kesenian, dan matematik sangat diperlukan
- Berkait rapat dengan kemajuan dalam bidang geometri dan pembinaan
- Pemahaman geometri hasil daripada pertembungan tamadun ini dengan tamadun Mesopotamia dan Mesir Purba
- membolehkan perancangan bandar disusun berasaskan bentuk segiempat / jalanraya yang lurus
- Masyarakat Indus berusaha meningkatkan mutu binaan
- Mereka tidak bergantung pada panas matahari untuk membuat batu bata daripada tanah liat
- Batu bata dihasilkan melalui pembakaran dengan dengan suhu yang tinggi
- Kecemerlangan perancangan bandar dalam Tamadun Indus merupakan gabungan daripada pelbagai pengetahuan dan pencapaian termasuklah geometri dan matematik serta teknologi pembakaran batu bata

- (b) Sifat keterbukaan
- Hubungan dengan tamadun Mesopotamia serta tamadun Mesir Purba membolehkan kedua-dua pihak mendapat manfaat dari segi pertukaran teknologi
 - Pengaruh luar disesuaikan dengan keadaan dan suasana tempatan

Tamadun Hwang Ho

- (a) Lokasi tamadun Hwang Ho
- Dilembah Hwang Ho yang subur(Sungai Kuning)
 - Bersifat setempat kerana bergunung ganang dan berpadang pasir
- (b) Dinasti yang wujud dalam tamadun Hwang Ho
- Dinasti Hsia
 - Dinasti Shang
 - Dinasti Chou
 - Dinasti Ching
 - Dinasti Chin

Ciri-Ciri Tamadun Hwang Ho

- (a) Petempatan awal
- Berasaskan pertanian membawa kepada kemunculan bandar
 - Anyang merupakan negara kota dalam tamadun Hwang Ho
 - Terletak di kawasan tanah tinggi di Sungai Huan
 - Di bandar ini, terdapat istana, kuil, dan pusat pentadbiran
 - Ketua pemerintah iaitu raja, golongan pembesar, dan golongan agama juga tinggal di kawasan bandar
 - Bandar Anyang dilengkapi dengan tembok untuk menghalang pencerobohan musuh
 - Bandar ini juga dikelilingi oleh perkampungan yang didiami oleh masyarakat petani
- (b) Organisasi sosial masyarakat Shang
- Golongan raja dan pembesar menduduki lapisan paling atas yang diterajui oleh raja
 - Lapisan bawah terdiri daripada petani yang membentuk sebahagian besar penduduk
 - Golongan petani mendiami kawasan luar bandar
 - Golongan artisan mempunyai kemahiran dalam teknologi gangsa
 - Gangsa digunakan untuk bagi menghasilkan senjata, perisai dan hiasan pada kereta kuda yang digunakan oleh tentera serta peralatan untuk upacara keagamaan

- Disebabkan hanya golongan pembesar sahaja yang mampu miliki tentera dan senjata gangsa, mereka menggunakan keistimewaan ini untuk menundukkan golongan bawahan.
 - Golongan hamba ialah golongan paling bawah
 - Perhambaan merupakan satu ciri utama dalam Dinasti Shang
- (c) Ciri-ciri pengkhususan pekerjaan masyarakat Tamadun Hwang
- Golongan pembesar mempunyai tentera masing-masing iaitu tentera berkuda dan tentera berjalan kaki
 - Petani sebagai tonggak ekonomi dan pentadbiran berperanan memenuhi keperluan golongan atasan
 - Golongan artisan mencipta pelbagai barangan tembaga seperti bekas minuman dan makanan, senjata dan barang tembikar
 - Golongan hamba sebagai tentera paksaan
 - Selain itu, golongan hamba digunakan untuk membantu kerja-kerja perburuhan
 - Golongan hamba juga dijadikan korban dalam upacara penyembahan
- (d) Sistem pemerintahan Dinasti Shang.
- Sistem pemerintahan berbentuk beraja
 - Pengganti raja dilantik daripada kalangan saudara yang lebih muda atau anak lelaki raja
 - Raja mempunyai wibawa politik, ekonomi, sosial dan agama
 - Raja berkuasa di kawasan pusat pentadbiran
 - Kuasa raja merupakan mandat daripada tuhan
 - Tidak perlu mendapat pengesahan politik kerana mereka adalah daripada keturunan pemerintah agama
 - Raja dibantu oleh bangsawan dan pegawai kerajaan yang berhak mentadbir wilayahnya
 - Golongan bangsawan berhak mewujudkan pentadbiran sendiri seperti pungutan cukai, pertahanan dan undang-undang
- (e) Sistem pentadbiran Dinasti Chou
- Raja-Raja Chou membahagikan pemilikan tanah kepada wilayah-wilayah
 - melantik pembesar tempatan di setiap wilayah
 - Raja Chou dibantu oleh ketua menteri dan enam badan yang Menguruskan soal pertanian, tentera, kerja awam, upacara agama, hal ehwal monarki dan undang-undang
 - Pentadbiran pada peringkat wilayah dikendalikan oleh pembesar-pembesar feudal
 - Raja-Raja Chou mengikat pembesar tempatan melalui ikrar taat setia kepada pemerintah, memberikan hadiah seperti kereta kuda, senjata gangsa, hamba dan binatang
 - Mereka juga diminta melindungi raja dan memberikan bantuan tentera pada masa perang
 - Pembesar tempatan juga diberikan hak untuk bertindak sebagai ketua agama untuk menjalankan upacara pengorbanan

- (f) Agama dan kepercayaan
- Masyarakat tamadun Hwang Ho mengamalkan banyak kepercayaan termasuk animisme dan politisme
 - Masyarakat Shang mengamalkan penyembahan roh nenek moyang
 - Mereka juga menyembah tuhan syurga(Shang Ti) dan tuhan bumi(tu), menyembah sungai, bukit dan gunung
 - Upacara penyembahan melibatkan permainan muzik,tarian dan upacara korban
 - Upacara ini diketuai oleh golongan bomoh
 - Tulang oracle digunakan untuk meramal sesuatu keadaan
 - Golongan bomoh yang terlibat dalam upacara penilikan ini meletakkan tulang ini di atas unggun api sehingga timbul rekahan
 - Rekahan ini ditafsirkan dan disabitkan dengan sesuatu kejadian
 - Amalan ini membawa kepada kemunculan sistem tulisan awal di China
 - Rekahan-rekahan pada tulang ini menimbulkan idea untuk mencipta tulisan.
 - Tulisan China berbentuk ideogram, iaitu tulisan berbentuk simbol
 - Tulisan asal ini kebanyakannya mempunyai gambar seperti kanak-kanak. Bulan, matahari dan sungai
- (g) Penciptaan Sistem Kalendar
- Dicipta semasa Dinasti Shang.
 - 30 hari dalam sebulan dan 360 hari setahun.
 - Untuk menentukan musim menanam dan menuai.
 - Untuk menjalankan aktiviti harian.
 - Amalan menggunakan kalendar diteruskan untuk upacara perkahwinan / perburuan / pengkebumian.

Sumbangan Tamadun Hwang Ho

- (a) Bidang politik/pemerintahan
- Sistem pemerintahan berbentuk monarki diteruskan hingga ke zaman Dinasti Ching
 - Gelaran raja ditukar kepada maharaja
 - Raja dikaitkan dengan konsep anak syurga dan mandat dari syurga
 - Amalan dinasti diteruskan hingga abad ke-20
- (b) Bidang ekonomi
- Pembinaan sistem pengairan dengan membina terusan untuk mengairi kawasan pertanian dan mengelakkan berlakunya banjir
 - Kemajuan dalam teknologi pembajakan
 - Penciptaan cangkul dan sabit
 - Penggunaan batas untuk tujuan penanaman
 - Petani menggantikan alat pertanian yang dibuat daripada kayu dengan yang dibuat daripada besi

(c) Sistem Tulisan

- Berkembang secara evolusi dan masih digunakan oleh orang China sehingga hari ini
- Penggunaan tulisan ini adalah meluas dan digunakan dalam bidang penulisan dan percetakan
- Tulisan ini juga diajar di sekolah-sekolah China
- Terus berkembang dengan penggunaannya oleh orang Korea dan Jepun

(d) Bidang agama dan kepercayaan

- Pemujaan roh nenek moyang
- Unsur pemujaan yang dijalankan sejak zaman Shang telah diteruskan mengikut kesesuaian masa
- Unsur korban manusia tidak lagi diamalkan dan digantikan dengan unsur makanan, duit kertas dan barangan perhiasan
- Konsep Yin dan Yang serta Feng Hsui diteruskan hingga ke hari ini
- Orang China mempercayai alam semesta dan kejadiannya terdiri daripada unsur saling melengkapi iaitu Yin dan Yang
- Konsep Feng Hsui berlandaskan falsafah Taoisme yang berlandaskan falsafah alam semesta yang merujuk pada hubungan antara manusia dengan alam sekitar

(e) Sistem kalendar

- Kalendar dicipta semasa Dinasti Shang.
- 30 hari dalam sebulan dan 360 hari setahun.
- Raja menggunakan kalendar untuk menentukan musim menanam dan menuai
- Untuk menjalankan aktiviti harian.
- Amalan menggunakan kalendar diteruskan untuk upacara perkahwinan / perburuan / pengkebumian.

(f) Pengamalan falsafah perang Sun Tzu

- Karyanya the Art of War membincangkan selok belok perang dan cara menangani musuh dalam pelbagai bahasa
- Falsafah tersebut diaplikasikan sebagai taktik dalam perniagaan

BAB 2 : PENINGKATAN TAMADUN

Tamadun India.

Ciri-ciri pendidikan Zaman Vedik. (Peranan pendidikan dalam Tamadun India)

- Mementingkan keagamaan
- Agama Hindu sebagai teras
- Didominasi oleh kaum lelaki
- Kaum wanita tidak mempunyai ruang menerima pendidikan
- Pendidikannya memberi tumpuan pembelajaran kitab-kitab veda
- Bahasa Sanskrit merupakan medium pengajaran penting
- Kaedah hafalan digunakan untuk mendalami kitab-kitab veda
- Pendidikan yang berteraskan agama Hindu dan Buddha
- Pendidikan peringkat awal diberikan di istana dan di rumah
- Pendidikan tinggi diberikan di Kolej Brahma
- Lahir university agama Buddha, iaitu Nalanda

Tujuan pendidikan

- adalah untuk menyediakan manusia menghadapi hari selepas mati
- Segala hukuman agama harus dipelajari supaya mereka dapat hidup sempurna dengan nilai-nilai murni yang diajar oleh agama
- untuk capai taraf sebagai Brahmin yang berpendidikan,
- Pendidikan juga untuk meningkatkan ilmu sains.
- Pendidikan di India bertujuan untuk menambah ilmu
- bertujuan mengatasi butahuruf
- Pendidikan juga untuk mendapatkan jawatan dalam pemerintahan.

Aspek penekanan dalam pendidikan

- Mementingkan keagamaan dan agama Hindu
- Pendidikannya memberi tumpuan pembelajaran kitab-kitab veda
- seseorang harus menghafal pelbagai buku agama khususnya veda yang mengandungi peraturan ritual, mentera, dan lagu-lagu agama.
- Mereka juga harus belajar karya saintifik dan falsafah

Pusat dagangan dan pelabuhan di India.

- Anga
- Kalinga
- Karusa.

Contoh pelabuhan penting

- Tamralipti
- Ghantashala,
- Kadura
- Broach
- Chual
- Kalyan
- Cambay

Hasil dagangan di India.

- senjata
- gading gajah
- emas
- berlian
- mutiara.

Perusahaan di India

- pengeluaran tekstil
- kain kapas
- sutera.
- barang emas
- mutiara
- batu permata.

Sresthin

- persatuan perdagangan dan perusahaan
- wujud disetiap bandar
- contoh persatuan itu ialah persatuan tukang kayu, tukang logam, tukang kulit
- Matlamatnya untuk mengawal harga, kualiti barang, dan gaji pekerja.
- Undang-undang telah digubal untuk mengawal persataun.
- Pelaksanaan undang-undang telah diawasi oleh raja.

Cukai di India.

- Diperkenalkan sejak Zaman Maurya
- Hasil pertanian dan hasil buah-buahan
- untuk menyara anggota tentera, para pentadbir dan raja

Negara yang menjalinkan hubungan dagangan dengan India.

- Hubungan antara kerajaan Maurya dengan Macedonia, Sri Lanka, rantau Asia Tenggara dan Asia Tenggara.
- Sejak tahun 100M, perdagangan maritim antara India dengan Alam Melayu.

Kemajuan yang dicapai dalam bidang perdagangan tamadun India.

- Aktiviti perdagangan mengalami perkembangan pesat kerana melibatkan
- Perdagangan di dalam wilayah India dan perdagangan luar seperti Macedonia, Sri Lanka, rantau Asia Tenggara dan Asia Tenggara.
- Pusat Perdagangan iaitu Anga, Kalinga, dan Karusa yang menghasilkan senjata, gading gajah, emas, berlian dan mutiara.
- Mempunyai pelabuhan yang menghubungkan India dengan Negara luar seperti
- Tamralipti, Ghantashala, Kadura, Broach, Chaul, Kalia dan Cambay.
- Di setiap bandar wujud persatuan perdagangan dan perusahaan yang dikenali sebagai *sresthin* antaranya persatuan tukang kayu, tukang logam dan tukang kulit.
- Matlamat persatuan adalah untuk mengawal harga, kualiti barangan dan gaji pekerja.
- Raja menggubal undang-undang untuk mengawasi perjalanan persatuan perdagangan.
- Dasar kewangan dan ekonomi yang sistematik dengan menggunakan mata wang sebagai medium jual beli. Contoh bentuk mata wang emas dan dikenali sebagai *dinara*, wang perak dan wang daripada cangkerang siput.
- Terdapat sektor perusahaan seperti pengeluaran tekstil, kain kapas, sutera, perusahaan yang berasaskan barangan emas, mutiara dan batu permata.
- Pelbagai jenis cukai dikenakan terhadap pelbagai hasil perdagangan
- Seperti hasil pertanian dan buah-buahan.
- Cukai dipungut untuk menyara anggota tentera, para pentadbir dan raja.
- Perdagangan dengan Alam Melayu telah berkembang untuk mendapatkan hasil seperti rempah, bedak wangi, gading gajah, dan besi.
- Dari China pula seperti tekstil, tembikar, barang kaca, dan minyak wangi.

Tamadun China

Jenis kegiatan ekonomi zaman Dinasti Shang.

- kemajuan dalam pertanian
- perdagangan dalam negeri
- perdagangan maritim,
- perusahaan
- pembentukan persatuan perniagaan.

Sumbangan Tamadun China dalam bidang pertanian.

- Dalam bidang pertanian tenggala diperkenalkan untuk membuat batas tanaman
- Kolar kuda digunakan untuk kuda menarik tenggala kayu, kereta kuda, dan kereta sorong beroda serta penyisir tanah.
- Sistem penanaman secara bergilir telah diperkenalkan untuk menjaga kesuburan tanah.
- Kawasan bukit telah diteres untuk pertanian pada zaman Dinasti Shang.
- Sistem pengairan seperti pembinaan terusan telah dilaksanakan untuk memperoleh sumber air dalam pertanian terkawal.
- Kawalan terhadap banjir dengan pembinaan terusan.

Kesan perkembangan perusahaan dalam tamadun China.

- Perusahaan logam dan perusahaan tembikar telah berkembang sejak zaman Dinasti Han lagi.
- Perusahaan tersebut didagangkan ke kawasan di luar China seperti Alam Melayu, India, Timur Tengah dan Barat.
- Hasil dagangan dibawa melalui jalan darat, iaitu Jalan Sutera Darat dan kemudian melaluai Jalan Laut mulai zaman Dinasti Tang.
- Buktinya terdapat tembikar China di tapak-tapak pelabuhan kerajaan awal di kawasan-kawasan tersebut.
- Hasil perusahaan China bukan sahaja didagangkan ke luar tetapi didagangkan dalam negeri China sendiri.
- Muncul persatuan perdagangan yang membawa kepada kelahiran golongan kelas pertengahan yang besar.
- Perkembangan ekonomi yang pesat dicituskan oleh perkembangan system perhubungan, iaitu pembinaan jalan raya, jambatan, dan alat pengangkutan seperti kereta kuda dan kereta lembu.

BAB 3 : TAMADUN AWAL ASIA TENGGARA

1. Maksud kerajaan Agraria
 - kerajaan yang menjalankan kegiatan ekonomi berasaskan pertanian , penternakan dan pemungutan hasil hutan dan sungai
 - terbentuk di kawasan pertanian yang subur seperti di lembah sungai / kawasan pedalaman seperti kawasan berbukit dan di lereng tanah gunung berapi
 - contoh kerajaan seperti Dvaravati , Taruma, Sailendra, Angkor , Sukhotai, dan Funan

2. Ciri-ciri kerajaan Agraria
 - terletak di kawasan yang subur iaitu di lembah sungai
 - menanam padi sawah dan padi huma
 - menanam tanaman sampingan seperti jagung, pisang, keledek dan sayur-sayuran
 - menghasilkan pelbagai jenis rempah seperti cengkih dan lada hitam
 - mengumpulkan hasil hutan seperti kayu gaharu, kapur barus, tanduk gading, damar, kayu cendana dan pelbagai jenis buah-buahan
 - sarang burung dari gua diambil untuk tujuan perdagangan
 - menangkap ikan di sawah, paya dan sungai
 - mendapatkan kulit kura-kura
 - menternak binatang seperti lembu, kerbau, kambing dan ayam
 - lebih daripada hasil ternakan dan tanaman akan dipasarkan atau dibekalkan untuk memenuhi keperluan masyarakat bandar atau penduduk maritim
 - pembinaan sistem pengairan yang bersumber dari Sungai Mekong dan Tasik Tonle Sap
 - raja terlibat dalam pembinaan pengairan
 - kerajaan bertanggungjawab dalam pengurusan sistem pengairan

3. Kegiatan ekonomi masyarakat agraria
 - menanam padi sawah dan padi huma
 - menanam tanaman sampingan seperti jagung, pisang, keledek dan sayur-sayuran
 - menghasilkan pelbagai jenis rempah seperti cengkih dan lada hitam
 - mengumpulkan hasil hutan seperti kayu gaharu, kapur barus, tanduk gading, damar, kayu cendana dan pelbagai jenis buah-buahan
 - sarang burung dari gua diambil untuk tujuan perdagangan
 - menangkap ikan di sawah, paya dan sungai
 - mendapatkan kulit kura-kura
 - menternak binatang seperti lembu, kerbau, kambing dan ayam
 - lebih daripada hasil ternakan dan tanaman akan dipasarkan atau dibekalkan untuk memenuhi keperluan masyarakat bandar atau penduduk maritim

4. Faktor-faktor perkembangan kerajaan Agraria (Angkor)
 - Pembinaan sistem pengairan yang baik yang diperoleh dari Sungai Mekong dan Tasik Tonle Sap
 - Raja Indravarman 1 terlibat dalam pembinaan sistem pengairan
 - Kerajaan bertanggungjawab secara langsung dalam pengurusan sistem pengairan
 - Pembinaan baray yang mampu mengairi tanah
 - Hasil padi dapat menampung keperluan beras
 - Kedudukan berhampiran dengan Tasik Tonle Sap
 - Tanah sekitar yang subur
 - Iklim panas lembap sepanjang tahun
 - Sumber ikan air tawar dari Tasik Tonle Sap
 - Sumber ikan air tawar dan punca bekalan air minuman daripada Tasik Tonle Sap

5. Kepentingan Tasik Tonle Sap
 - Membekalkan sumber air minuman
 - Limpahan air Sungai Mekong pada musim banjir mengalir ke dalam Tasik Tonle Sap dan tasik menjadi luas
 - Pada musim kemarau , kawasan sekitar tasik menjadi subur hasil daripada mendapan lumpur
 - Membekal sumber protein seperti ikan kepada penduduk sekitar tasik
 - Air dari Tasik Tonle Sap dialirkan ke kawasan tanaman padi dengan menggunakan terusan
 - Sumber air dari tasik dapat menampung keperluan penanaman padi bagi menyediakan beras yang mencukupi kepada penduduk Angkor

6. Saling bergantung /melengkapi antara kerajaan agraria dengan kerajaan maritim
 - Kerajaan agraria mempunyai penduduk yang ramai dan membekalkan tenaga kerja kepada kerajaan maritim
 - Kerajaan agraria bergantung kepada kerajaan maritim untuk mendapatkan barang mewah dari China dan India
 - Kerajaan agraria membekalkan beras dan hasil hutan kepada kerajaan maritim
 - Beras menjadi dagangan utama antara kerajaan maritim dengan agraria
 - Kerajaan maritim mendapatkan bahan mentah seperti kayu untuk membuat kapal daripada kerajaan agraria
 - Kerajaan maritim memperoleh gajah daripada kerajaan agraria sebagai kenderaan raja
 - Kerajaan maritim bergantung kepada kerajaan agraria untuk mendapatkan tukang kayu dan tukang batu yang mahir

7. Cara-cara kedatangan pengaruh Hindu dan Buddha dalam kerajaan awal

- Dibawa oleh golongan ksyatria atau tentera penakluk dari India yang membentuk tanah jajahan takhluk di Asia Tenggara
- Dibawa oleh golongan pedagang atau vaisya
- Dibawa oleh golongan Brahmin atau pendeta
- Melalui pengambilan aspek-aspek kebudayaan India yang disesuaikan dengan budaya tempatan

8. Pengaruh Hindu dan Buddha dalam sistem pemerintahan kerajaan awal

- Sistem beraja dengan penggunaan gelaran raja sebagai pemerintah
- Raja berada dipuncak pemerintahan
- Raja dibantu oleh kerabat diraja , pembesar , Brahmin
- Raja berkuasa mutlak dalam pentadbiran, hubungan luar, ketenteraan dan khazanah negara
- Perintah raja menjadi undang-undang yang wajib dilaksanakan
- Sesiapa yang melanggar perintah raja bermakna menderhaka dan tidak diampunkan
- Raja dikehendaki adil terhadap golongan yang diperintah
- Raja merupakan bayangan tuhan dan lahir konsep dewa-raja
- Raja mempunyai kesaktian melalui mitos dan lagenda untuk memperkuat kedudukan
- Untuk mengukuhkan kedaulatan raja, diwujudkan pelbagai adat istiadat
- pertabalan raja yang dipimpin oleh golongan Brahmin
- Raja mendirikan kompleks kota yang melambangkan konsep alam semesta iaitu orde kosmos

9. Pengaruh Hindu dan Buddha dalam kesenian

- i. Maksud monumen
 - Binaan atau bangunan yang dibuat daripada batu untuk memperingati orang ternama atau peristiwa penting
 - Monumen boleh berupa candi/kuil/wat/stupa/arca/patung
- ii. Kepentingan/fungsi/tujuan candi kepada kerajaan awal di Asia Tenggara
 - Monumen keagamaan bagi agama Hindu dan Buddha
 - Sebagai rumah ibadat
 - Sebagai tempat menyimpan abu jenazah raja dan keluarganya
 - Tempat menyimpan patung dewa utama
 - Lambang keagungan pemerintah berdasarkan kehebatan seni binanya
 - Melambangkan orde kosmos contoh Angkor Wat dan Candi Borobudur
- iii. Contoh candi terkenal di Asia Tenggara

- Candi Dieng di Jawa Tengah , Indonesia
 - Candi Borobudur di Jawa Tengah , Indonesia
 - Candi Prambanan di Jawa Tengah , Indonesia
 - Candi Angkor Wat di Kemboja
 - Candi Chaiya dan Yarang di Thailand
 - Candi Lembah Bujang di Kedah
- iv. Patung agama
- Patung Avalokitesvara merupakan patung agama Buddha
 - Patung dewa Vishnu, Siva, Brahma, Durga dan Lingga merupakan patung agama Buddha
 - Patung Drawapala dan Nabdiswara menjaga candi daripada dimasuki roh jahat
 - Melambangkan zaman penciptanya
 - Melambangkan salah satu pengaruh sama ada Amaravati , Gupta, Palava, Pala atau Cola
 - Menunjukkan adunan dua tamadun iaitu India dan Asia Tenggara
 - Gaya India bergantung pada masa patung itu dibuat. Sekiranya dibuat antara abad ketiga hingga kelima Masihi , terdapatlah pengaruh Amaravati
 - Sekiranya dicipta abad kelima Masihi hingga abad ketujuh Masihi mewakili pengaruh zaman Dinasti Gupta
- vi. Angkor Wat
- Dibina untuk agama Hindu
 - Terletak enam km ke utara Siem Reap dan melambangkan orde kosmos
 - Tinggi 213 meter dan keluasan kawasannya 208 hektar
 - Mempunyai tempat pemujaan pada bahagian tengah sekitar 39 meter dengan teras bertingkat empat
 - Setiap sudut mempunyai menara
 - Bahagian luar terdapat tembok
 - Terdapat ukiran yang menggambarkan epik Ramayana dan Mahabharata
- vii. Candi Borobudur
- Mewakili agama Buddha
 - Terbahagi kepada tiga tingkat yang melambangkan tiga tahap kehidupan iaitu sila , samadhi dan panna
 - Setiap tingkat mempunyai patung stupa dan patung Buddha
 - Tingkat pertama terdapat ukiran cerita kehidupan Gautama Buddha
 - Dibina selama 75 tahun

- Meningkatkan pencapaian dalam bidang intelek masyarakat
- mengandungi maklumat tentang agama, pemerintahan, raja dan undang-undang
- Batu bersurat Kutei menjelaskan tentang keturunan raja
- Batu bersurat Sungai Mas berkaitan dengan ajaran Buddha
- Inskripsi di Palembang berkaitan dengan pemerintahan dan amaran raja kepada rakyat serta pembesar agar tidak menderhaka kepada raja
- Batu bersurat di Lembah Bujang mengandungi arahan dan pemberitahuan kepada rakyat
- Bahasa keagamaan
- bahasa yang digunakan dalam urusan pemerintahan
- Mengalami penyesuaian dan berubah ke adalam bahasa Melayu seperti dosa, duka, Derhaka, manusia, pahala, rupa , sengsara dan huruf
- Berkembang menjadi bahasa ilmu
- Bahasa komunikasi
- Memperkayakan bidang kesusasteraan seperti epik / puisi / prosa jawa penceritaan lisan dan teater

10. Pengaruh Hindu dan Buddha dalam kesusasteraan

- Kesusasteraan India melalui epik Ramayana , Mahabharata serta Puranas menyumbang kepada unsur mitos yang terdapat dalam kesusasteraan klasik di Asia Tenggara
- Pengaruh kesusasteraan India dalam puisi dan prosa Jawa seperti Nagarakertagama Sutasoma, Arjunwiwaha dan Kunjarkarma
- Cerita-cerita dalam Epik Ramayana dan Mahabharata melalui kesusasteraannya telah mempengaruhi penceritaan lisan dan teater seperti wayang kulit
- Epik Mahabharata melahirkan naskah hikayat yang diadun dengan unsur tempatan seperti Hikayat Pendawa Lima, Hikayat Pendawa jaya dan Hikayat Sang Samba.
- Hikayat Ramayana melahirkan Hikayat Seri Rama

BAB 4 : KEMUNCULAN TAMADUN ISLAM DAN PERKEMBANGANNYA DI MEKAH

1. KEHIDUPAN NABI MUHAMMAD SEBELUM DILANTIK MENJADI RASUL

Latarbelakang keturunan Nabi Muhammad saw

Kelebihan atau keistimewaan keturunan Rasulullah.

- Berasal daripada keturunan pemimpin Makkah yang terkenal contoh Qusai bin Kilab dan Abd.Mutalib menjadi peneraju kepimpinan Makkah sejak zaman jahiliah
- Keturunan nabi sering dirujuk kepada Hasyim iaitu moyang nabi
- Qusai ialah pemimpin Arab Quraish yang mentadbir Makkah 100 ahun sebelum kelahiran Nabi
- Keluarga Nabi Menguasai Makkah , Kaabah dan telaga zamzam
- Keluarga nabi bijak dalam pentadbiran Makkah dan mahir dalam perniagaan.
- Datuk nabi iaitu Abdul Muttalib pernah menerajui kepimpinan Makkah. Pada zaman jahiliah
- Keturunan nabi dihormati oleh kabilah Arab lain

Keperibadian Nabi Muhammad saw.

- Nama penuh Muhammad bin Abdullah (bermaksud terpuji)
- Bapa baginda Abdullah bin Abd. Muttalib
- Ibunya Aminah binti Wahab
- Baginda dilahirkan pada 20 April tahun 570 M bersamaan 12 Rabiulawal tahun Gajah.
- Bapa baginda meninggal dunia sewaktu dalam kandungan ibunya.
- Diserahkan di bawah jagaan dan susuan Halimatus Sa'adiyah.
- Sewaktu berusia 6 tahun ibunya meninggal dunia.
- Baginda dipelihara oleh datuknya Abdul Muttalib
- Setelah datuknya meninggal dipelihara oleh bapa saudaranya Abu Talib
- Baginda pernah mengembala kambing bapa saudara
- Usia 12 tahun mengikuti rombongan perniagaan ke Syam.
- Kerasulan baginda diramalkan oleh pendeta nasrani Buhaira.
- Menjalani perniagaan Khadijah binti Khuwalid

Sifat-sifat luhur dan terpuji Rasulullah:-

- Baginda Memiliki empat sifat terpuji yang utama iaitu siddiq (berkata benar), amanah (dipercayai), tabliq (menyampaikan) dan fatanah (bijaksana)
- Baginda digelar al amin iaitu orang yang boleh dipercayai dan tidak pernah berbohong.
- Terkenal sebagai seorang yang amanah - mendapat kepercayaan Khadijah bt Khaulid – serahkan modal besar untuk diperniagakan.
- Seorang tokoh pemimpin unggul dan berwibawa – contohnya dalam usia 35 tahun menyelesaikan sengketa antara kabilah Quraisy.
- Sebagai ketua keluarga yang menjadi idola manusia –ctnya sering membantu isteri memasak dan menampal pakaian dan bersihkan rumah
- Mengamalkan cara hidup sederhana
- Sentiasa merendah diri – ctnya dalam pergaulan tidak pandang kedudukan
- Penyayang – sayangkan orang tua dan kanak-kanak.
- Bersifat pemaaf – cthnya waktu pembukaan kota Mekah 630m-orang arab yang serah diri diampun dan dibebaskan.
- Seorang yang bijaksana dan mampu menyelesaikan masalah-cthnya dalam perjanjian Hudaibiyah 628m.Kandungan perjanjian berpihak kepada Quraisy tetapi baginda terima sebagai hikmah untuk sebarkan Islam.
- Kuat beribadat dan sentiasa abdi diri kepada Allah - contohnya mengasingkan diri di gua Hirak.

KERASULAN DAN PENERIMAAN WAHYU

- Menerima wahyu sebagai nabi akhir zaman dalam usia 40 tahun. Tarikh menerima wahyu pada 6 ogos 610m bersamaan 17 ramadan.
- Menerima wahyu melalui malaikat Jibril.
- Wahyu pertama ialah surah al-Alaq ayat 1-5 yang memerintah orang Islam membaca
- Isi kandung wahyu pertama menggalakkan umat Islam menuntut ilmu
- Wahyu kedua al-Muddasir , ayat 1-7 menandakan pengistiharan Nabi Muhammad saw- sebagai pesuruh Allah.
- Perlantikan Nabi sebagai rasul adalah pembawa rahmat kepada seluruh alam sejagat.
- Baginda menyampaikan wahyu Allah kepada umatnya secara bijaksana dan terancang.
- Baginda berusaha membetulkan akidah masyarakat jahiliah .
- Ajarannya menggesa umat meninggalkan amalan keji seperti membunuh, menindas dan mencuri.

BAB 5 : KERAJAAN ISLAM DI MADINAH

Tindakan / strategi / usaha Nabi Muhammad dalam penyebaran Islam

- Menghantar perutusan ke Rom, Rom Timur, Parsi, Mesir, Habsyah dan Semenanjung Tanah Arab
- Tidak memaksa memeluk Islam
- Menggunakan diplomasi
- Menunjukkan nilai-nilai yang baik
- Menyeru memeluk Islam melalui warkah
- Mewujudkan rasa persefahaman dengan wilayah tersebut

Sebab peperangan dibenarkan dalam Islam

- Mempertahankan maruah diri
- Mempertahankan agama
- Mempertahankan negara
- Dengan keizinan Allah

Contoh peperangan

- Perang Badar 2H
- Perang Uhud 3H
- Perang Khandak 5H
- Perang Tabuk 8H

Peperangan dalam Islam

- Allah telah memberi keizinan untuk berperang
- Setelah diserang oleh musuh
- Mencari keamanan supaya tempat ibadat mereka terjaga
- Menjaga maruah negara
- Tidak memusnahkan harta benda
- Menentang kezaliman
- Mempertahankan diri
- Islam menganjurkan perdamaian
- Di medan perang tentera Islam dilarang membunuh sesuka hati
- Dilarang memusnahkan tumbuh-tumbuhan
- Akhlak tentera Islam mestilah mulia, saling bertolak ansur dan menunjukkan teladan yang baik

Perang Badar

- Tawanan Arab Quraisy dalam perang Badar diampunkan
- Tawanan wanita dan kanak-kanak dibebaskan
- Tawanan lelaki diberikan syarat untuk membebaskan diri
- Tawanan lelaki yang berjaya mengajar 10 orang kanak-kanak Islam membaca dan menulis sehingga pandai dibebaskan

BAB 6 : PEMBENTUKAN KERAJAAN ISLAM DAN SUMBANGANNYA

KERAJAAN BANI UMAIYAH

Latar Belakang

- Mengamalkan sistem warisan
- Jawatan ketua pemerintah kerajaan Islam diwarisi secara turun temurun / pemerintahan monarki
- Diasaskan oleh Muawiyah Abu Sufyan
- Selepas penyerahan kuasa oleh Hassan bin Ali – untuk mengelakkan perpecahan umat Islam
- nama kerajaan mengambil nama sempena keturunan Bani Umayyah iaitu Umayyah Abdu Shams
- terbahagi kepada dua tahap
- tahap pertama berpusat di Damsyik
- pemimpinnya memakai gelaran khalifah
- tahap kedua berpusat di Cordova
- pemimpinnya memakai gelaran amir

Pembaharuan Kerajaan Bani Umayyah dalam sistem pentadbiran.

- Sistem Khalifah iaitu pelantikan khalifah sebagai ketua pemerintah.
- Sistem Wazarah iaitu pelantikan wazir untuk mengetuai sistem pentadbiran di bahagian kerajaan pusat.
- Gabenor dilantik sebagai ketua pentadbiran wilayah.
- Sistem urus setia.
 - Beberapa pegawai utama dilantik mengumpul rekod, mengurus surat menyurat.
 - Urusan pentadbiran dibahagi kepada beberapa bahagian iaitu bahagian surat menyurat, bahagian cukai, bahagian polis, bahagian ketenteraan dan kehakiman.
- Sistem Hijabah.
 - Seorang pegawai ditugaskan memeriksa orang yang ingin menemui khalifah, mengawal keselamatan khalifah dan pemegang amanah.
- Wujud sistem pengurusan pentadbiran yang sistematik kerana setiap jawatan yang dibentuk jelas fungsinya.
- Empat jabatan ditubuhkan iaitu Jabatan Cukai, Jabatan Surat Menyurat, Jabatan Urusan Am dan Jabatan Urusan Cap Mohor Pemerintah.
- Sistem ketenteraan diperkemaskan iaitu penubuhan Jabatan Ketenteraan (Diwanul Jundi) untuk pertahanan Negara.
- Penubuhan angkatan tentera darat dan laut.

Sumbangan dalam bidang sosial

- Ilmu pengetahuan semakin maju
- Kota Basrah dikenali sebagai pusat pengajaran dan penyebaran ilmu
- Lahir ilmuwan seperti Khalil ibn Ahmad, Sibawayhi, al Farazdaq, Jarir Umar ibn Abi Rabiah dan Jamil al-Uzri
- Bahasa Arab dijadikan bahasa rasmi negara
- Tanda bunyi dan baris diperkenalkan pada tulisan al Quran
- Perkembangan ilmu agama
- Taraf kesihatan turut diberi perhatian / pembinaan Hospital pertama di Damsyik
- Pembinaan hospital kusta
- Buku rujukan telah diterjemahkan ke dalam bahasa Arab
- Perkembangan dalam bidang kimia
- Perkembangan dalam bidang astronomi

Sumbangan dalam bidang perundangan

- Hakim mengenakan hukuman berdasarkan ijtihad dengan berpandukan al-Quran, sunnah atau ijmak
- Hakim tidak boleh mempengaruhi mana-mana pihak / bebas / tidak cenderung mana-mana aliran politik pemerintah
- Hakim mestilah adil dalam penghakiman

Faktor-faktor kejatuhan

- Rasa tidak puashati golongan mawali yang menganggap mereka telah didiskriminasikan
- Mereka tidak diberi jawatan yang layak untuk mereka
- Mereka dikenakan kadar cukai yang lebih tinggi
- Golongan mawali menyertai gerakan Abbasiyah menentang Bani Umayyah
- Para khalifah mengabaikan tanggungjawab terhadap rakyat
- Para khalifah mengabaikan ajaran Islam
- Menentang pemilihan khalifah mengikut sistem warisan
- Penentang golongan Syiah dan Khawarij

KERAJAAN BANI ABBASIYAH

Sumbangan Kerajaan Bani Abbasiyah.

- Kegemilangan ketika pemerintahan Khalifah Harun al-Rasyid dan puteranya Al-Makmun.
- Kota Baghdad menjadi pusat intelektual dan penyebaran ilmu.
- Karya-karya asing diterjemahkan dalam bahasa Arab.
- Karya falsafah dan sains Yunani diterjemahkan.
- Khalifah Harun al-Rasyid mengasaskan Institusi Keilmuan iaitu Baitulhikmah.

- Kegiatan penulisan dilakukan mengikut tiga tahap.
 - Tahap pertama iaitu mencatat idea atau percakapan.
 - Tahap kedua iaitu mengumpul idea yang serupa atau mengumpul hadis Nabi Muhammad s.a.w ke dalam buku.
 - Tahap ketiga iaitu mengarang.
- Penglibatan golongan ulama dalam penulisan.
 - dalam bidang fikah, tafsir, sejarah, menyusun hadis dan sebagainya.
 - Imam Malik menyusun buku al-Muwatta
 - Ibn Ishaq penyusunan sejarah hidup Nabi Muhammad s.a.w.
 - Abu Hanifah penyusun fikah dan pendapat ijtihad.
 - Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam Syafi'i dan Imam Ahmad b Hanbal.
- Terdapat pemisahan ilmu antara ilmu tafsir, ilmu sirah dan ilmu hadis.
- Terjemahan daripada bahasa sanskrit, suriani dan Yunani. mencipta dan membuat pembaharuan dalam karya yang diterjemahkan dalam bahasa Arab
- Menghurai dan menambahbaik dengan memuatkan keterangan dan ulasan dalam karya.
- Penubuhan pusat pengajian tinggi mempertingkatkan kegiatan penyelidikan.
- Hasil kajian sarjana Islam tersebar ke Eropah.
- Hasil karya Islam diterjemahkan dalam bahasa asing. perkembangan ilmu Islam menyebabkan masyarakat Eropah mengalami Zaman Pemulihan Budaya iaitu Renaissance.

KERAJAAN TURKI UTHMANIYAH

Sumbangan Kerajaan Turki Uthmaniyah kepada peradaban dunia.

- Pembentukan empayar Islam.
- Sebuah kesatuan orang Islam di seluruh dunia.
- Istanbul menjadi pusat pentadbiran Dunia Islam.
- Sultan Selim menguasai Makkah (1517), Kerajaan Turki Uthmaniyah dilihat sebagai pelindung kepad umat islam.
- Suleiman 1 memperkenalkan Sistem Perundangan.
- Undang-undang dikenali sebagai Kanun Suleiman.
- Merangkumi undang-undang mempertahankan membela nyawa, harta dan kehormatan setiap individu.
- Sistem organisasi dan pentadbiran perundangan Islam.
- Pembentukan jawatan Kadi dan Mufti.
- Jawatan Sheikh-ul-Islam iaitu Ketua Ulama diperkenalkan.
- Tugasannya mengeluarkan fatwa.
- Koleksi fatwa Sheikh-ul-Islam merupakan sumbangan utama kerajaan Turki Uthmaniyah kepada agama dan sains undang-undang dan kekal hingga ke hari ini.
- Sektor ekonomi

- Kedudukan geografi Istanbul sebagai kota atau pusat pertemuan perdagangan antara timur dan barat serta antara Dunia Islam dengan Dunia Bukan Islam.
- Jaringan perdagangan meliputi pelabuhan sepanjang Laut Tengah, Laut Merah, Laut Hindi dan Laut Mediterranean.
- Membentuk Jaringan Perdagangan Dunia Islam berpusat di Istanbul.
- Menggalakkan kecemerlangan individu.
- Pembahagian masyarakat bergantung kepada hasil usaha setiap individu.
- Berlaku mobiliti sosial yang luas dalam masyarakat Eropah.

Faktor-faktor penyebaran Islam ke Eropah.

- Pegangan akidah yang kukuh.
- Memiliki akhlak yang tinggi di kalangan orang Islam.
- Semangat Ghazi - semangat pahlawan yang tidak gentar berkorban jiwa demi penyebaran Islam.
- Sistem Ketenteraan yang tersusun
- Penggunaan senjata moden seperti meriam besar.
- Mempunyai tentera berkuda.
- kumpulan infantri yang kuat.
- Kumpulan Janissari iaitu kumpulan elit yang terlatih dalam selok belok peperangan.
- Mempunyai armada laut yang kuat.
- Mempunyai 300 buah kapal yang digunakan untuk mengawal keselamatan di kawasan Laut Mediterranean.
- Keadaan politik tidak stabil di Eropah.
- Akibat pertelingkahan dan peperangan di kalangan kerajaan-kerajaan kecil memudahkan penyebaran Islam di Eropah.
- Kejatuhan Kerajaan Byzantine memberi laluan untuk laluan untuk penyebar Islam.
- Institusi gereja tidak lagi menjadi pelindung kepada masyarakat.
- Penyalahgunaan kuasa, pergaduhan para pemimpin dan kekurangan wang dalam institusi gereja menyebabkan ramai penganut Kristian memeluk agama Islam.
- Dasar politik dan hubungan keagamaan.
- Menjalankan dasar berteraskan diplomasi dan toleransi.
- Masyarakat Balkan tidak dipaksa memeluk Islam.
- Kerajaan Uthmaniyah mengiktiraf kedudukan, perundangan dan harta Gereja Ortodok.
- Dasar Sosial Islam.
- Menarik minat orang Kristian memeluk Islam.
- Dasar sosial Islam berasaskan kecemerlangan individu dan bukannya keturunan.
- Sistem ini membolehkan individu mendapat imbuhan hasil daripada usahanya.
- Kerajaan Uthmaniyah membina semula sekolah, rumah sakit dan kawasan perdagangan demi kemudahan rakyat.
- Golongan sufi menekankan toleransi dan asimilasi dalam ajaran menarik ramai orang Kristian memeluk Islam.

BAB 7 : ISLAM DI ASIA TENGGARA

Islam datang dari Tanah Arab Dikemukakan oleh John Crawford

- Islam telah berkembang menerusi aktiviti perdagangan
- Buktinya dari catatan China
- Arab dan Parsi mempunyai pusat perniagaan dan petempatan di Canton atau Amoy
- Pedagang Arab menguasai perdagangan laut dari pelabuhan Iskandariah hingga ke China
- Mereka berdagang secara berterusan di rantau Asia Tenggara pada abad ke-7 M
- Dalam perjalanan ke China pedagang Arab singgah di pelabuhan
- Terutamanya pelabuhan di selat Melaka
- seperti Melaka/Brunei/Perlak/Pasai/Bantam/Ceribon/Makasar dan Patani
- Pelabuhan tersebut menjadi tempat menunggu perubahan angin monsun ke China
- Mereka menetap beberapa bulan sebelum meneruskan perjalanan
- Berkahwin dengan wanita tempatan
- Mereka berbincang dan berinteraksi dengan pedagang tempatan tentang agama Islam
- Pedagang Islam dan pendakwah memperlihatkan
- kehidupan nilai Islam yang murni
- Seperti kejujuran/kebersihan dan berhemah tinggi
- Berjaya menarik minat masyarakat tempatan terhadap Islam
- Wujud perkampungan Islam
- Seperti Ta Shih di Sumatera Utara

Prof Syed Naquib menyokong John Crawford

- Menggunakan bukti bahan penulisan dan kesusasteraan
- Tulisan jawi diambil daripada bahasa Arab
- Adat resam dan kebudayaan orang Melayu
- dipengaruhi budaya Arab
- Amalan menghormati tetamu
- Muzik Melayu seperti dabus dan tarian zapin
- Karya tempatan menceritakan pengislaman raja di Asia Tenggara dilakukan oleh Syekh dari Tanah Arab
- Hikayat Raja-Raja Pasai menceritakan Syekh Ismail mengislamkan Raja Pasai Merah Silu
- Syekh Said mengislamkan Raja Pattani Phaya Tu Nakpa

Islam Datang Dari China

Pendapat ini dikemukakan oleh Emmanuel Gadinho Eredia

- Khan Fo atau Canton telah menjadi pusat perniagaan terkenal di kalangan peniaga Arab
- Jalinan hubungan antara peniaga ini sudah tentu membolehkan Islam berkembang dikalangan peniaga China di Negara China
- Apabila peniaga China Islam berdagang di Asia Tenggara mereka menyebarkan Islam kepada masyarakat Asia Tenggara

Pendapat S.Q Fatimi

- Berlaku perpindahan beramai-ramai pedagang Islam Canton ke Asia Tenggara
- Pendapat ini diperkukuhkan dengan penemuan Batu Bersurat Terengganu
- Persamaan unsur seni bina di China dengan unsur seni bina masjid-masjid di Kelantan, Melaka dan Pulau Jawa
- Terdapat unsur seni bina China
- dapat dilihat pada bentuk bumbung masjid yang mempunyai persamaan dengan pagoda di China
- Bahagian perabung atapnya melentik
- Pengaruh atap genting China serta warna merah dan kuning pada kayu kepala pintu/tingkap masjid
- jubin lantai/dinding/tangga/kolam air

Islam Datang dari India

- Teori ini dikemukakan oleh sejarawan Belanda Snouk Huegronje
 - Islam bertapak di Asia Tenggara melalui wilayah Gujerat dan Pantai Koromandel
 - Hubungan perdagangan antara India dengan Asia Tenggara sudah lama wujud
 - Pada zaman pemerintahan Alauddin Khilji Gujerat merupakan pelabuhan penting
 - Batu bersurat dan batu nisan yang ditemui di Asia Tenggara menyerupai ciri buatan India
- Kebudayaan masyarakat Asia Tenggara

BAB 8 : PEMBAHARUAN DAN PENGARUH ISLAM DI MALAYSIA SEBELUM KEDATANGAN BARAT

1. Pengaruh Islam terhadap Ekonomi:

a) Perdagangan

Kegiatan perdagangan semasa Kesultanan Melayu Melaka.

- Aktiviti perniagaan berkembang
- Pedagang tempatan terlibat dengan rangkaian perdagangan Timur Barat
- Menyediakan kemudahan pentadbiran yang licin dan teratur.
- Wujud jawatan penting seperti syahbandar sebagai ketua pelabuhan
- Wujud jawatan laksamana bagi menjaga urusan kelautan
- Undang-undang Laut Melaka memperuntukkan undang-undang perniagaan
- Wujud sistem sukat dan timbang
- Terdapat paling kurang 84 bahasa yang dipertuturkan di Melaka
- Urusan perdagangan menggunakan dua kaedah iaitu kaedah pertukaran barang dan
- kaedah jual beli.

b) Mata Wang

Ciri - ciri yang terdapat pada mata wang di Johor pada abad ke 16.

- Diperbuat daripada timah
- Dikenali sebagai wang katun
- Berbentuk bulat dan enam segi
- Tidak mempunyai tarikh
- Mempunyai tulisan jawi atau Arab seperti Malik atau Sultan al-Adil.
- Mata wang emas Johor yang tertua dikenal pasti bertarikh tahun 1527.
- Mata wang emas ini dikenali kupang
- Mengandungi emas seberat 10 grain (0.65 gram) dan 40 grains (2.6 gram)
- Ditulis dengan nama dan pangkat sultan yang memerintah dan yang mengeluarkan mata wang tersebut.
- Di bahagian belakang pula tertulis gelaran Islam sultan berkenaan seperti Khalifatul Muslimin

c) Percukaian

Sistem percukaian pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

- Cukai paling asas ialah cukai tetap atau cukai import ditetapkan oleh pemerintah
- Para pedagang dari India, Ceylon, Tanah Arab, Siam dan Pegu dikenakan cukai sebanyak 6 peratus
- Pedagang dari China dan Jepun dikenakan cukai sebanyak 5 peratus.
- Barang seperti beras dan makanan tidak dikenakan cukai.
- Cukai diraja dikenakan terhadap orang asing yang menetap di Melaka
- Orang asing dari Kepulauan Melayu dikenakan cukai diraja sebanyak 3 peratus.
- Orang asing dari tempat-tempat lain dikenakan cukai diraja sebanyak 6 peratus.

Pengaruh Islam mempengaruhi perkembangan ekonomi di negeri-negeri Melayu.

- Amalan riba tidak dibenarkan dalam bidang perniagaan di kalangan orang Islam.
- Walau bagaimanapun, golongan ceti yang memberikan pinjaman wang dibenarkan .
- Penegasan bersabit larangan amalan riba ini dijelaskan dalam Hukum Kanun
- Melaka dan Hukum Kanun Pahang.
- Pihak pemerintah telah menekankan agar golongan kaya dan berkemampuan
- membayar zakat harta.
- Kutipan zakat disimpan oleh baitulmal.
- Baitulmal berfungsi menyelenggarakan harta kerajaan.
- Harta ini akan digunakan bagi kepentingan dan kemakmuran negara.

BAB 9 : PERKEMBANGAN DI EROPAH

9.1 (a) Perubahan Masyarakat dan Budaya Eropah

1. ZAMAN GELAP DI EROPAH

- Maksud Zaman Gelap
- Ciri-ciri
 - Keadaan politik
 - Keadaan sosial
 - Keadaan ekonomi
- Perubahan yang berlaku
- Persamaan sistem feudal Eropah dan masyarakat Melayu tradisional

a) Maksud Zaman Gelap

- Eropah mengalami zaman mundur selepas kejatuhan tamadun Rom
- merupakan peringkat awal zaman Pertengahan
- Eropah mengalami kemerosotan dalam bidang ilmu pengetahuan
- Eropah mengalami kemerosotan dalam perdagangan
- Eropah mengalami kemerosotan dalam kehidupan perbandaran

b) Ciri-ciri zaman gelap

Politik

- Tidak terdapat pentadbiran pusat yang berkesan / pentadbiran wilayah musnah
- Berlaku huru-hara
- Kemunculan golongan Baron
- Golongan petani mencari perlindungan daripada tuan tanah
- Petani membayar cukai yang tinggi kepada tuan tanah
- Jika tidak mampu, mereka terpaksa menyerahkan tanah kepada tuan tanah
- Petani terpaksa menjadi hamba kepada tuan tanah
- Tuan tanah mendapat perlindungan daripada golongan raja
- Pembentukan sistem feudal
- Golongan pembesar memberi khidmat kepada pihak raja
- Golongan pembesar mendapat naungan daripada pihak istana

Ekonomi

- Kegiatan ekonomi terhad
- Perdagangan diganggu orang-orang Gasar seperti Viking dan Magyar
- Orang Eropah tidak berdagang ke Timur Jauh
- Perdagangan di kawasan Mediterranean dikuasai oleh pedagang Islam
- Hanya menumpukan kepada kegiatan pertanian
- Perniagaan secara kecil-kecilan
- Perniagaan menerusi sistem tukar barang
- Penggunaan mata wang dalam urusan perdagangan terhad

Sosial

- Sifat gereja yang mengongkong / memiliki kuasa / hartanah
- Gereja memberi fokus kepada kegiatan amalan agama / keakhiratan
- Kemerostan kehidupan perbandaran
- Kelembapan perkembangan ilmu pengetahuan

c) Ciri-ciri Zaman Kemuncak Pertengahan (Perubahan- perubahan)

- Gereja memainkan peranan sebagai institusi yang universal
- Gereja menjadi ejen penyatuan
- Peningkatan aktiviti pertanian
- Kemunculan perdagangan
- Kemunculan bandar-bandar seperti Venice, Milan dan Florence
- Lahirnya kelas pertengahan terdiri daripada artisan , pedagang, ahli perbankan
- Status sosial berasaskan kekayaan bukan pemilikan tanah
- Rakyat mula terlibat dalam urusan politik / memberi hak politik kepada rakyat
- Parlimen diwujudkan bagi memenuhi tuntutan rakyat
- Wujud hubungan antara rakyat dengan pemerintah

d) Persamaan sistem feodal di Eropah dengan ciri-ciri feudalisme yang terdapat dalam masyarakat Melayu tradisional

- Raja menjadi penaung dalam negara
- Raja memiliki tanah di negeri masing-masing secara mutlak
- Raja mempunyai pembesar-pembesar
- Pembesar-pembesar itu mendapat naungan daripada istana
- Pembesar memberi khidmat kepada raja
- Rakyat memberi khidmat kepada tuan tanah / pembesar

2. ZAMAN RENAISSANCE

- Maksud
- Tokoh-tokoh
- Faktor yang mencetuskan Renaissance
- Kesan-kesan

(a) Maksud Renaissance

- Berasal daripada perkataan Itali *renascimento* yang bermaksud kelahiran Semula
- Penghargaan semula ilmu yang telah dihasilkan oleh cendekiawan dan pejuang seni dalam Tamadun Yunani dan Rom
- Menonjolkan keupayaan manusia berfikir untuk menyelesaikan permasalahannya

(b) Senaraikan tokoh Zaman Renaissance.

- Leonardo Da Vinci
- Michelangelo
- Niccolo Machiavelli
- Francesco Petrarch
- Johann Sebastian Bach
- Nicholas Copernicus
- Galilei
- Raphael

(c) Faktor kewujudan gerakan Renaissance di Itali.

- Kemunculan tokoh-tokoh aliran humanisme seperti Francesco Petrarch , Niccolo Machiavelli dan Giovanni Bocaccio
- Semangat inkuari / semangat ingin tahu
- Kemunculan bandar terkenal seperti Venice,Genoa, Florence ,Rom dan Milan sebagai pusat perdagangan antarabangsa
- Kedudukan Itali yang strategik kerana dikelilingi oleh Laut Mediterranean
- Berlaku pertembungan budaya,bahasa dan agama yang menjadikan Itali sebagai pusat perkembangan idea-idea baru
- Bandar pelabuhan seperti Venice dan Genoa merupakan pusat ekonomi perdagangan utama yang berjaya menjadi pusat perkembangan budaya utama di Eropah
- Kemunculan pedagang-pedagang kaya di pelabuhan dan bandar utama di Itali dan mereka menjadi penangung (*patron*) kepada pelukis , ahli muzik, saintis dan penulis
- Berlakunya persaingan antara bandar-bandar d Itali untuk mendapatkan tokoh seniman dan cendekiawan
- Paus di Rom menjadi penangung kepada seniman dan cendekiawan
- Para seniman dan cendekiawan sering berkunjung dari bandar ke bandar

(d) Kesan perkembangan Zaman Renaissance di Eropah.

Politik

- Semangat inkuiri telah menggalakkan perkembangan dalam pelbagai bidang termasuk seni lukis, seni ukir, persuratan, politik, ekonomi dan sosial.
- Kemunculan monarki baru
- Wujud kerajaan pusat dan kesatuan kebangsaan
- Pembayaran cukai secara langsung kepada kerajaan pusat
- Kuasa gereja dan golongan bangsawan bertaambah kurang

Ekonomi

- Sistem perdagangan tempatan dan antarabangsa semakin berkembang dan meluas
- Kegiatan ekonomi sara diri kian pupus
- Perkembangan sistem perdagangan tempatan dan antarabangsa
- Mendorong perkembangan dalam kegiatan penjelajahan dan penerokaan
- Kemajuan dalam bidang matematik ,geografi,kartografi (teknik melukis peta) dan astronomi
- Penekanan kepada ciri-ciri inkuiri , keobjektifan dan eksperimen
- Perkembangan pelbagai ilmu sains seperti fizik,biologi ,kimia dan perubatan.

Sosial

- Manusia lebih bersedia menzahirkan emosi mereka
- Mendorong kemajuan dalam seni muzik, lukisan dan ukiran
- Melahirkan budaya yang menyuburkan keyakinan diri
- Perubahan masyarakat terhadap pendidikan yang menekankan pemikiran logik, saintifik ,falsafah dan metafizik
- Menekankan tanggungjawab sosial seseoraang dalam masyaarakat
- Melahirkan manusia Renaissance yang mempergunakan sepenuhnya keupayaan minda mereka dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan bagi memajukan kehidupan manusia.
- Mempunyai sifat inkuiri
- Mempunyai sifat berani untuk meneroka

3. GERAKAN REFORMATION

- Maksud
- Tokoh
- Faktor
- Kesan

(a) Maksud Reformation.

- Suatu gerakan yang berlaaku di Eropah Barat pada abad ke 16
- Berasal daripada perkataan *reform* yang bermaksud melaksanakan perubahan atau pembaharuan terhadap sesuatu untuk menghasilkan sesuatu yang lebih baik / membentuk sesuatu yang baru
- Mempunyai kaitan dengan agama Kristian

(b) Tokoh gerakan Reformation

- Martin Luther
- Huldreich Zwingli
- John Calvin

(c) Faktor-faktor

- Berlaku kepincangan , rasuah dan penyelewengan apabila Gereja Katolik meningkatkan usaha pembangunan keduniaan
- Menentang gaya hidup penguasa gereja Katolik yang mirip kepada gaya hidup pemerintah dan golongan bangsawan
- Menentang gaya hidup penguasa yang tidak begitu mencerminkan kehidupan keagamaan
- Menentang amalan institusi gereja Katolik yang menjual sijil *Indulgences* iaitu surat pengampunan bagi penganut Kristian yang telah melakukan dosa
- Adanya mesin cetak ciptaan Johann Gutenberg membolehkan Bible dihasilkan cepat dan murah
- Tindakan Martin Luther ,profesor ilmu teologi menentang amalan indulgences
- Luther berpendapat dalam bidang pengibadatan,manusia harus bergantung kepada kekuatan rohaninya
- Kejayaan gerakan ini didorong oleh penyebaran mazhab protestant

(d) kesan gerakan Reformation.

- Agama Kristian terpecah kepada dua mazhab utama iaitu Katolik dan Protestan
- Negara Eropah berpecah dan berperang mengikut mazhab masing-masing
- Dalam jangka masa panjang timbul sikap toleransi antara penganut berbagai mazhab Kristian dari segi mempergiatkan pendidikan dan penyebaran fahaman mereka
- Kuasa institusi gereja telah dicabar secara terbuka
- Kuasa gereja terhadap kerajaan atau monarki baru semakin kurang
- Monarki baru ingin membebaskan diri daripada penguasaan Paus di Rom
- Raja England (Raja Henry VIII) telah membebaskan diri daripada Paus di Rom dan mengisytiharkan dirinya sebagai ketua kerohanian Gereja Protestan Anglican

BAB 10 : DASAR BRITISH DAN KESANNYA TERHADAP EKONOMI NEGARA

1. Maksud ekonomi dagangan

- pertanian dan perlombongan melibatkan lebih pengeluaran
- pengeluaran dalam skala besar
- gunakan sumber tenaga buruh yang banyak
- modal yang besar
- teknologi yang lebih tinggi
- pemasaran lebih tinggi

2. Faktor-faktor yang mendorong buruh Cina dan India datang ke Tanah Melayu.

- galakan kerajaan British
- Penghijrahan mereka tidak ditentang oleh pembesar Melayu
- Wujud hubungan tradisi antara kerajaan India dengan Tanah Melayu
- Kespesatan ekonomi Tanah Melayu
- Kestabilan politik
- kemakmuran Tanah Melayu

3. Cara kemasukan buruh Cina dan India ke Tanah Melayu.

Kemasukan buruh Cina

Sistem tiket kredit

- Bakal imigran dikumpul oleh kheh-tau(ketua)
- Ketua ini dibayarsejumlah wang bagi setiap imigran China yang dibawa
- Bakal imigran dikenali sebagai sin keh
- Imigran diletakkan dibawah pengawasan nakhoda kapal atau agensi buruh yang dibayar oleh majikan
- golongan sin kheh membuat perjanjian untuk menjelaskan hutang mereka secara bekerja dengan majikan untuk tempoh tertentu
- Mereka dibekalkan dengan tiket ke pelabuhan yang dituju
- Tiba di pelabuhan mereka diambil oleh pemborong buruh yang akan mendapatkan majikan untuk mereka

Sistem pengambilan kakitangan,

- majikan akan menghantar pegawai ke China untuk mendapatkan buruh
- Segala perbelanjaan dan tambang dibiayai oleh majikan
- pegawai yang dihantar mengiringi buruh tersebut hingga mereka sampai ke tempat majikan

Sistem rumah kongsi

- pengambilan buruh dilakukan oleh pegawai di Negara China yang
- dilantik oleh sesebuah rumah kongsi
- Pegawai tersebut membiayai perbelanjaan buruh sehingga mereka sampai di rumah kongsi

Secara berkumpulan

- Cara kedatangan imigran berubah ekoran wujudnya tajaan oleh Charles Brooke melalui syarikatnya yang beribu pejabat di Singapura
- Kemasukan imigran Cina berketurunan Foochow di Sarawak secara berkumpulan dengan persetujuan antara Ketua Foochow di Sibu dengan Charles Brooke
- Imigran Foochow diperlukan untuk mengusahakan tanah dan membangunkan sektor pertanian gambir dan lada hitam

Kemasukan buruh India

Sistem buruh bebas

- datang sendiri dengan biaya masing-masing
- kedatangan mereka diaturkan oleh orang atau kumpulan tertentu kerana kepentingan ekonomi
- setelah tiba di Tanah Melayu bebas memilih tempat dan pekerjaan yang dikehendaki

Sistem kontrak

- majikan akan membiayai tambang mereka ke Tanah Melayu
- Buruh akan bekerja dengan majikan untuk jangka masa tertentu dengan bayaran minimum

Sistem Kangani

- Seorang kangani akan diberi lesen dan dihantar pulang ke India untuk mencari buruh.
- Kangani akan diberikan wang pendahuluan untuk membiayai perbelanjaan buruh sehingga tiba di Tanah Melayu
- Seorang Kangani adalah seperti pengurus agensi yang membawa masuk pekerja asing

4. Ciri-ciri masyarakat berbilang kaum di Tanah Melayu.

- tidak terdapat kesepaduan kaum menyulitkan proses perpaduan kaum
- Lokasi orang Melayu di bandar, India di ladang, dan Cina di bandar
- pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi
- perbezaan bahasa pertuturan
- kehidupan sosial yang berbeza
- menggunakan bahasa ibunda

5. Kesan-kesan daripada peningkatan jumlah kemasukan Imigran India dan Cina ke Tanah Melayu.

- pembentukan masyarakat majmuk
- wujud petempatan yang berbeza-beza mengikut kaum
- jenis pekerjaan yang berbeza mengikut kaum
- penggunaan bahasa yang berbeza dalam pertuturan
- tidak terdapat interaksi antara kaum
- tidak ada perpaduan antara kaum

BAB 1 : KEMUNCULAN DAN PERKEMBANGAN NASIONALISME DI ASIA TENGGARA

Ciri-ciri umum sistem birokrasi Barat yang diperkenalkan di Negara-negara Asia Tenggara

- Kuasa barat menubuhkan kerajaan pusat
- Barat melantik Gabenor Jeneral sebagai ketua pentadbir
- Mereka melaksanakan pentadbiran melalui biro(jabatan)
- Pegawai barat dilantik sebagai ketua biro
- Kuasa barat memperkenalkan undang-undang barat.

Ciri-ciri birokrasi yang diperkenalkan oleh Sepanyol di Filipina.

- Sepanyol memperkenalkan sistem pentadbiran berpusat
- Gabenor Jeneral menjadi pemerintah tertinggi di peringkat pusat
- Datuk Bandar menjadi pentadbir wilayah
- Gabenor kecil menjadi pentadbir Bandar
- Encomiendero menjadi pemerintah Encomienda

Maksud Sistem Encomienda

- Sistem pentadbiran Sepanyol diperingkat tempatan
- pemerintahnya diketuai encomiendero

Tugas-tugas Encomiendero yang diperkenalkan Sepanyol di Filipina.

- menjaga keamanan
- mengutip cukai
- mengkristiankan penduduk barangay

Sebab sistem Encomienda dibenci oleh penduduk Filipina.

- mengenakan cukai yang tinggi
- mengenakan kerahan tenaga terhadap penduduk

Perubahan sistem pentadbiran yang diperkenalkan oleh Belanda di Indonesia.

- pentadbiran dibahagikan kepada pentadbiran pusat dan tempatan
- pentadbiran pusat diketuai oleh Gabenor Jeneral
- pentadbiran tempatan diketuai dikendalikan oleh pembesar tempatan
- pentadbiran tempatan menjalankan tugas dengan pengawasan pegawai Belanda
- Belanda menubuhkan jabatan kerajaan seperti Jabatan Pelajaran dan Pertanian
- Belanda menubuhkan dewan tempatan
- dewan tempatan berfungsi sebagai penasihat pentadbiran Belanda
- dewan tempatan tiada kuasa perundangan
- Belanda menubuhkan Volksraad
- Volksraad merupakan majlis rakyat

Bentuk sistem pemerintahan di Burma sebelum kedatangan British

- Burma mengamalkan sistem pemerintahan beraja di bawah dinasti Konbaung
- pemerintahan dan pentadbiran diketuai oleh raja
- raja dibantu oleh Hluttaw(majlis diraja) dan Wun(pegawai tinggi kerajaan)
- Myothugyi menjadi ketua Bandar
- Ahmudan menjadi pegawai diraja
- Athi merupakan pembesar-pembesar tradisional
- raja menjadi penaung kepada sami Buddha.

Perubahan pentadbiran yang dilaksanakan oleh British di Burma.

- menamatkan pemerintahan Dinasti Kounbaung
- institusi raja tersingkir
- British menghapuskan jawatan pembesar tempatan diperingkat pusat
- British melantik pesuruhjaya tinggi menjadi pemerintah di Burma
- British memperkenalkan sistem undang-undang Barat
- British memperkenalkan Akta Kampung Ulu Burma dan Akta Perkampungan Burma
- British melenyapkan system pentadbiran tradisional Burma
- pentadbiran daerah diambil alih oleh Myo-ok(pegawai bandaran)
- British menghapuskan fungsi raja sebagai penaung agama Buddha
- British meletakkan undang-undang Barat sebagai penaung agama
- British memperkenalkan majlis Perundangan
- beberapa jabatan ditubuhkan seperti jabatan perhutanan,kesihatan dan pelajaran.

Bentuk sistem pentadbiran Indochina sebelum kedatangan Perancis.

- diitadbir oleh sebuah kerajaan pusat
- pentadbiran diketuai oleh raja berkuasa mutlak
- raja memberi kuasa penuh kepada pembesar tempatan
- setiap birokrasi diketuai oleh golongan mandarin
- pentadbiran ditiru dari pentadbiran Tanah Besar China.
- pegawai dipilih melalui peperiksaan dalam bidang bahasa dan kesusasteraan China

Bentuk sistem birokrasi yang diperkenalkan oleh Perancis di Indochina.

- Pentadbiran diketuai oleh Gabenor Jeneral
- Gabenor Jeneral bertanggungjawab kepada Pejabat Tanah Jajahan di Paris
- Leftenan Gabenor menjadi pemerintah wilayah jajahan
- Leftenan dibantu oleh Residen Jeneral dan Residen Wilayah
- Perancis membentuk kerajaan pusat dengan menubuhkan Union Indochinoise
- kerajaan tempatan diberi kuasa autonomi
- kerajaan pusat tidak mencampuri urusan pentadbiran kerajaan tempatan
- kerajaan tempatan perlu membayar cukai dan kerahan tenaga

Konsep Union Indochinoise yang dibentuk oleh Perancis di Indochina.

- Union Indochinoise merupakan Persekutaun Indochina
- Persekutuan tersebut terdiri daripada Vietnam dan Kemboja
- Persekutuan ini juga turut disertai Laos pada tahun 1904
- Pentadbiran Union Indochinoise diketuai oleh Gabenor Jeneral
- Rang undang-undang Union Indochinoise diluluskan oleh parlimen Perancis.

Perubahan yang dilakukan oleh Raja Mongkut terhadap sistem pentadbiran Thailand.

- melantik 80 orang penasihat barat mengetuai pelbagai jabatan
- penasihat barat digubakan untuk melatih pegawai tempatan
- Penasihat Britain dalam kewangan, pelabuhan dan polis
- Penasihat Amerika dalam jabatan kastam
- Penasihat Perancis dalam ketenteraan

Sistem birokrasi yang diperkenalkan oleh Chulalongkorn di Thailand.

- memperkenalkan majlis Penasihat rendah, majlis mesyuarat tinggi dan cabinet menteri
- melantik juruaudit dari Britain
- pentadbir dilantik dalam kerajaan berdasarkan tahap pendidikan
- memperkenalkan system raja berperlembagan menggantikan raja mutlak
- pengaruh pembesar tempatan dan raja dikurangkan.

Kesan-kesan pengenalan sistem birokrasi barat terhadap sistem pentadbiran Asia Tenggara.

- Penunuhan Kerajaan Pusat
- Pentadbiran dibahagikan kepada pentadbiran pusat dan tempatan
- pentadbiran pusat diketuai gabenor Jeneral/pesuruhjaya tinggi
- pembesar tempatan diperingkat pusat dihapuskan
- Terhapusnya institusi raja
- Raja kehilangan kuasa
- Fungsi raja sebagai penaung agama terhapus
- Pentadbiran dijlankan melalui biro-biro
- Pegawai barat dilantik menjadi ketua biro
- Beberapa jabatan ditubuhkan seperti perhutanan,kesihatan pelajaran dan lain-lain
- Pengenalan sistem undang-undang Barat
- Kuasa barat memperkenalkan undang-undang barat
- rang undang-undang di tanah jajahan diluluskan dinegara mereka
- British memperkenalkan sistem kehakiman barat
- Raja menerima penasihat Barat
- Raja terpaksa menerima penasihat barat daripada residen
- Residen dan penasihat barat menasihati sultan dalam semua perkara kecuali hal ehwal agama dan adat istiadat melayu
- pembesar tempatan hilang pengaruh
- pentadbiran tempatan diambil alih oleh pegawai bandaran.

BAB 2 : NASIONALISME DI MALAYSIA SEHINGGA PERANG DUNIA KEDUA

a) Faktor-faktor pemangkin nasionalisme di Tanah Melayu sehingga Perang Dunia Kedua.

Pengenalan Sistem politik Barat dan memusnahkan sistem politik tempatan

- British meletakkan seorang Residen
- Residen mengambil alih pentadbiran negeri daripada pembesar tempatan
- Pembesar diberikan pencen
- Pembesar digantikan dengan oleh pegawai British
- Kesannya perubahan ini menjatuhkan maruah orang tempatan /mencabar sistem tempatan/amalan tradisi
- Keadaan ini telah membangkitkan kebencian penduduk terhadap British

Perkembangan sistem pendidikan

- Melahirkan golongan intelek Melayu yang mampu berfikir tentang kemajuan bangsa
- Menggunakan idea baru untuk memajukan diri dan menolak penjajahan British
- Mereka menyedari perlunya sumbangan tenaga dan fikiran mereka untuk menyedarkan bangsa Melayu
- Mereka menggunakan idea baru untuk memajukan diri dan menolak penjajahan

Dasar British dalam sistem pentadbiran

- Menggalakkan sesiapa sahaja datang ke Tanah Melayu
- Untuk melabur, berniaga, berdagang, bekerja dan menetap di Tanah Melayu
- Ramai orang asing telah datang ke Tanah Melayu dan menetap di sini
- Kemasukan orang asing yang berterusan telah meningkatkan jumlah imigran di Tanah Melayu
- Ini menimbulkan persaingan kepada penduduk tempatan
- Orang asing menguasai bidang perlombongan, perladangan getah dan perniagaan.
- Orang Melayu kekal dengan pertanian padi yang tidak dimajukan oleh British
- British membuka bandar baru sebagai pusat pentadbiran
- Orang Melayu tetap tinggal di kampung-kampung dengan segala kekurangan

- Kemajuan ekonomi seperti perniagaan/prasarana / elektrik / perkhidmatan pos/telefon/sekolah/hospital
- Telah meningkatkan taraf hidup di bandar
- Keadaan ini menjarakkan lagi jurang taraf hidup antara orang tempatan di luar bandar dengan imigran lain di bandar
- Dasar British telah memundurkan lagi taraf hidup orang Melayu
- Golongan intelek Melayu menjadikannya sebagai isu gerakan nasionalisme

Pendudukan Jepun menjadi pemangkin terhadap gerakan nasionalisme.

- konsep Kawasan Kesemakmuran Asia telah menekankan kebebasan negara negara Asia
- Untuk menentukan kemajuan masing-masing dan meningkatkan persaudaraan dalam kalangan negara tersebut
- Jepun menggalakkan orang tempatan bekerjasama/berjanji untuk memerdekakan Tanah Melayu
- Kesengsaraan hidup akibat kekurangan makanan/ubat-ubatan /kekejaman pentadbiran Jepun menyebabkan penduduk Tanah Melayu membenci penjajahan oleh kuasa Barat atau Timur
- Semua penjajah tetap zalim/menekan kehidupan orang tempatan
- Kesannya, apabila British memperkenalkan Malayan Union tahun 1946, orang Melayu menentang
- Mereka tidak mahu dijajah oleh sesiapa pun

Penguasaan Parti Komunis Malaya selama 14 hari tahun 1945 membangkitkan semangat menentang penjajah

- PKM menguasai balai-balai polis dan memerintah dengan kejam
- Mereka membunuh dan menangkap sesiapa sahaja yang dianggap penyokong Jepun
- Gerakan ini mencetuskan konflik perkauman
- Banyak orang Melayu terbunuh/rumah dibakar oleh anggota PKM
- Dibalas oleh orang Melayu di Perak/Johor Sembilan/Pahang

Kemunculan mesin cetak

- Memberikan kesan kepada penyebaran ilmu pengetahuan
- Mendorong kepada penentangan terhadap British
- Melalui buku, akhbar, majalah, kitab agama dan lain-lain, idea menentang penjajah dapat disebarkan

Gerakan Pan-Islamisme Sedunia memberi kesan terhadap kesedaran semangat kebangsaan

- Merupakan gerakan intelektual Islam seluruh dunia untuk membangkitkan pemahaman yang lebih progresif terhadap Islam
- Bertujuan untuk menentang penjajahan Barat ke atas negara-negara Islam
- Gerakan reformis oleh Syed Muhammad Abduh, pensyarah di Universiti al-Azhar, Mesir telah tersebar luas
- Dalam tulisannya, beliau memberikan kupasan bahawa Islam ialah cara hidup yang menekankan kepentingan dunia dan akhirat
- Islam juga mendorong umatnya menuju kejayaan
- Tulisannya disebar dalam majalah al-Manar
- Gerakan Wahabi yang berlaku di Arab Saudi juga mendesak matlamat yang sama

Kesedaran Politik Serantau

- Indonesia yang rapat dengan Tanah Melayu (geografi) dan budaya telah mempengaruhi gerakan nasionalisme di Tanah Melayu
- Kesedaran politik dan pendidikan Indonesia yang lebih matang telah melahirkan ramai golongan intelektual
- Penulis yang hebat telah menghasilkan karya yang menjadi bacaan masyarakat di Tanah Melayu
- Idea kebebasan politik dan penentangan terhadap penjajahan telah tersebar luas dan dihayati oleh penduduk tempatan
- Kemasukan orang Indonesia ke Tanah Melayu memudahkan penerimaan unsur kegiatan nasionalisme Indonesia di Tanah Melayu

GERAKAN ISLAH DI TANAH MELAYU

Maksud Gerakan Islah

- Gerakan Islah adalah satu gerakan pemulihan yang berusaha membetulkan pandangan masyarakat Melayu terhadap Islam.
- Ia bertujuan untuk memajukan umat Islam berdasarkan ajaran al-Quran dan Hadis.
- dipimpin oleh Kaum Muda setelah tamat belajar di Universiti al-Azhar di Mesir

Tokoh-tokoh /pelopor

- Sheikh Tahir Jalaludin
- Syed Syeikh al-Hadi
- Dr. Burhanuddin al-Helmy

Matlamat / tujuan / isu

- menyampaikan idea mereka demi kemajuan umat Islam selaras dengan kemajuan dunia pada waktu itu.
- Memajukan ekonomi, pendidikan, politik dan sosial orang Melayu.
- Menyematkan sikap mengkritik penjajah ke dalam fikiran orang Melayu
- Mengkritik raja yang tidak berperanan dalam memajukan orang Melayu.
- Mengkritik pembesar Melayu yang tidak berperanan dalam memajukan orang Melayu.

Akhbar/ Majalah

- Al-Imam
- Neracha
- Edaran Zaman
- Pengasuh
- Saudara

Tokoh-tokoh

Sheikh Tahir Jalaluddin

- Tokoh gerakan Kaum Muda.
- merupakan seorang tokoh yang menjadi pendukung kepada akhbar al-Imam
- menulis dalam majalah al-Manar.

Syed Syeikh al-Hadi

- tokoh gerakan Kaum Muda
- menubuhkan Jelutung Press
- menerbitkan majalah Saudara.
- mendirikan madrasah al-Masyhor di Pulau Pinang
- mengarang Novel Hikayat Faridah Hanum.

Halangan/Tentangan

- Perjuangan Kaum Muda ini telah ditentang oleh Kaum Tua yang terdiri daripada golongan alim ulama dan telah lama menguasai masyarakat dengan fahaman lama mereka.
- Bagi mereka Islam itu hanyalah akhirat dan fardu ain semata-mata sehingga sukar untuk Kaum Muda mempengaruhi masyarakat Melayu mengenai ajaran Islam yang sebenarnya.
- Gerakan golongan Kaum Muda ini tidak dapat bergerak dengan baik di negeri-negeri Melayu kerana terdapat beberapa undang-undang yang menghalang pengaruh Kaum Muda.
- Undang-undang tersebut tidak membenarkan sebarang kegiatan dakwah Islam dilakukan tanpa kebenaran Sultan.

- Risalah dan Buku karya tokoh-tokoh Kaum Muda juga dilarang di bawa masuk ke negeri-negeri Melayu.
- Tekanan British dan Kaum Tua tidak dapat menghalang sepenuhnya Gerakan Islah dalam masyarakat Melayu, terutamanya dalam bentuk pendidikan.

Sumbangan

- Beberapa buah madrasah telah ditubuhkan oleh kaum Muda yang menjalankan sistem pendidikan Islam.
- Pendidikan tersebut meliputi pendidikan untuk dunia dan akhirat seperti fardu ain, ilmu hisab dan bahasa Inggeris.
- Kaum perempuan juga diberi peluang untuk mendapatkan pendidikan.

Akhbar, Majalah Dan Novel ; Penggerak Kesedaran Kebangsaan

- Akhbar, majalah dan Novel memainkan peranan yang penting dalam melahirkan semangat kebangsaan di Tanah Melayu.
- Salah seorang penulis terkenal pada tahun 1920-an ialah Zainal Abidin bin Ahmad (Zaa'ba) yang merupakan seorang tokoh bahasa, pemikir dan cendekiawan ulung Melayu.
- Antara karya yang terkenal yang dihasilkan oleh Za'ab ialah Ilmu Mengarang Melayu dan Pelita Bahasa Melayu.
- Pada tahun-tahun 1930-an muncul pula tokoh-tokoh seperti Dato' Onn Ja'afar dan Abdul Rahim kajai.
- Tulisan mereka telah membangkitkan kesedaran untuk memajukan diri dan bersatu padu, di samping mengkritik dasar-dasar British yang menekan orang Melayu.
- Akhbar, majalah dan novel yang dihasilkan pada ketika itu ialah untuk menyedarkan dan seterusnya memajukan bangsa Melayu.

Akhbar

- Warta Melayu
- Lembaga Malaya
- Majlis Utusan Melayu
- Warta Negara
- Fajar Sarawak

Akhbar dan Isu yang dibangkitkan

Sosial/Pendidikan

- Memajukan pendidikan tinggi orang Melayu.
- Menggalakkan pendidikan untuk anak perempuan
- Menyeru orang Melayu supaya meninggalkan sikap negative seperti memilih kerja dan tidak mahu berusaha

- Menggalakkan tabungan di kalangan orang Melayu untuk pendidikan anak-anak.
- Mementingkan kemahiran tradisional orang Melayu seperti pertukangan dan kerja tangan
- Mementingkan pendidikan bahasa Inggeris untuk kemajuan orang Melayu
- Meminta taraf sekolah Melayu dibaiki dengan memberikannya nilai ekonomi
- Memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dalam pentadbiran British.
- Mengekalkan nilai-nilai baik masyarakat Melayu

Aspek ekonomi

- Kurangkan kemasukan pedagang luar yang mengancam ekonomi tempatan
- Galakkan orang Melayu terlibat dalam aktiviti ekonomi
- Melarang orang Melayu daripada menjual tanah mereka
- Menyeru orang Melayu supaya berjimat cermat
- Meminta British mengadakan kampong Khas orang Melayu di Kuala Lumpur
- Manakala isu-isu yang dibangkitkan oleh akhbar dari aspek politik ialah
- Mengkritik British kerana mengurangkan kuasa Raja-Raja Melayu
- Mengkritik para pembesar dan raja-raja Melayu kerana tidak melaksanakan - kemajuan kepada masyarakat Melayu
- Menolak dasar pilih kasih British dalam pentadbiran kerajaan.
- Menuntut diadakan Malay Administrative (M.A.S) untuk melindungi orang - Melayu dalam perkhidmatan kerajaan.
- Menyeru orang Melayu di seluruh Tanah Melayu supaya bersatu dalam sebuah - pertubuhan kebangsaan
- Menentang tuntutan orang luar terhadap politik tempatan

Majalah

Pengasuh

- Majalah pengasuh ini telah membangkitkan isu berikut:
- Membincangkan soal pentafsiran Islam yang progresif bagi kemajuan ummah
- Menggalakkan pendidikan dikalangan orang Melayu
- Memperluaskan ilmu dalam semua bidang
- Memberikan pentafsiran kepada persoalan orang Islam
- Menggesa orang Melayu menjauhkan diri daripada sifat buruk

Guru

- Pada tahun 19 24, Majalah Guru telah diterbitkan dan pengarangnya terdiri daripada Muhamad Dato' Muda Linggi, Yusuf Ahmad dan Mohd Sidin Rashid.
- Antara isu-isu yang dibangkitkan oleh Majalah Guru ialah ;
- Memberikan pendidikan yang secukupnya kepada anak-anak Melayu
- Menyeru perpaduan di kalangan orang Melayu.
- Meniupkan semangat Cinta Negara dan menentang penjajahan
- Membaiki taraf hidup orang Melayu

- Memajukan bahasa dan sastera Melayu
- Menggalakkan perpaduan di kalangan guru sebagai pemimpin bahasa.
- Pada tahun 1930, Majalah Bulan Melayu telah diterbitkan oleh Zainon Sulaiman.
- Majalah Bulan Melayu ini telah membincangkan isu-isu berikut:
- Menggalakkan perpaduan di kalangan guru perempuan Melayu Johor.
- Menggalakkan wanita mendapat pendidikan untuk kemajuan diri
- Mendorong wanita menjaga kesopanan dengan nilai-nilai Islam dan budaya Timur
- Menggalakkan wanita menjadi obor untuk memajukan bangsa.

Novel

- Novel-novel yang banyak menyampaikan mesej-mesej kesedaran bangsa ialah :
- Keris Melaka yang dikarang oleh Ahmad Bakhtiar
- Anak Mat Lela Gila oleh Ishak Haji Muhammad
- Putera Gunung Tahan oleh Ishak Haji Muhammad
- Melor Kuala Lumpur oleh Harun Aminurrashid

Keris Melaka Ahmad Bakhtiar

- Semangat perjuangan menentang penjajah Barat
- Sumbangan tokoh-tokoh Kesultanan Melayu Melaka seperti Hang Tuah
- Gunakan Sejarah sebagai inspirasi dan pedoman untuk mendorong semangat perjuangan bangsa bagi generasi muda

Anak Mat Lela Gila- Ishak Haji Muhammad

- Semangat anak muda menentang penjajah
- Hargai warisan bangsa
- Semangat cintakan tanah air
- Maruah bangsa lebih berharga daripada kesenangan

Melor Kuala Lumpur- Harun Aminurrashid

- Emansipasi wanita
- Kepentingan pendidikan moden di kalangan wanita Melayu
- Membuang pandangan negative yang boleh menghalang kemajuan bangsa

Persatuan Sahabat Pena Malaya (PASPAM)

- Persatuan Sahabat Pena Malaya (Paspam) telah ditubuhkan pada 7 April 1934, bertujuan untuk memperbaiki kedudukan ekonomi dan sosial orang Melayu.
- Paspam ialah sebuah bertubuhan yang berlandaskan sastera, tetapi ia cuba menyatupadukan orang Melayu, Sabah dan Sarawak.
- Persatuan ini telah dipimpin oleh cendekiawan Pulau Pinang seperti S.M Zainal Abidin B.A

- Melalui pertubuhan ini orang Melayu dapat berkenal-kenalan dan bertukar-tukar pendapat bagi memajukan diri dan bangsa.
- Ia juga dapat menggalakkan perpaduan dan persaudaraan di kalangan orang Melayu di seluruh Semenanjung Tanah Melayu.
- Paspam telah mendapat sambutan yang hangat kerana organisasinya adalah lebih kemas dan mempunyai perlembagaannya sendiri.
- Paspam adalah merupakan asas kepada kesedaran perpaduan Melayu.

Kesatuan Melayu Muda (KMM)

- KMM dipimpin oleh Ibrahim Haji Yaakob bersifat politik
- Bersifat radikal dan anti-penjajah British
- Keanggotaan terdiri daripada lepasan MPSI Tanjung Malim, Perak
- Menggalakkan pepaduan di kalangan pemuda Melayu
- Meningkatkan tahap pendidikan orang Melayu
- Semasa pendudukan Jepun KMM telah bekerjasama dengan Jepun untuk menghalau British dari Tanah Melayu
- KMM menjadi alat propaganda Jepun dengan membeli akhbar Warta Malaya
- Ahli KMM telah mengelilingi Tanah Melayu untuk mendapatkan sokongan
KMM telah menubuhkan cawangannya di Maahad Ihya Assyariff di Gunung Semanggol untuk melatih kader-kader yang dikenali tentera semut

BAB 3 : KESEDARAN PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA

Ciri-ciri Negara dan bangsa dalam Kesultanan Melayu Melaka.

Wilayah pengaruh

- Kawasan tempat tinggal rakyat
- Sempadannya diterima umum
- Kawasan yang rakyatnya menerima dan memperakui pemerintahan seorang raja
- Kesultanan Melayu Melaka mempunyai lingkungan pengaruh yang luas walaupun sempadan tidak ditetapkan.
- Empayarnya meliputi keseluruhan Semenanjung Tanah Melayu dan seluruh timur Sumatera.

Kedaulatan

- Merupakan kekuasaan tertinggi terhadap rakyat sesebuah wilayah
- Tidak boleh dihadkan mana-mana pihak
- Merujuk kepada kekuasaan yang dimiliki oleh sesebuah Negara atau pemerintah
- Negera berkenaan mempunyai hak mutlak terhadap rakyatnya
- Negera itu bebas daripada campurtangan, paksaan, taklukan atau perintah kuasa asing.
- Dalam Kesultanan Melayu Melaka kedaulatan dirujuk terus kepada raja yang memerintah.

Lambang-lambang

- Merupakan simbol atau tanda yang menjadi identiti sesebuah Negara.
- Bahasa melayu merupakan bahasa kebangsaan dan lambing penyatuan Negara dan bangsa.
- Kebesaran Sultan dan Kesultanan Melayu juga dilambangkan dengan alat regalia, nobat, warna, bahasa, undang-undang, protocol dan adapt-istiadat istana.

Undang-undang

- Untuk mengawal masyarakat melalui peraturan yang telah diwartakan.
- Undang-undang dicipta untuk memelihara keamanan dan melindungi rakyat.
- Keunggulan undang-undang menentukan struktur kerajaan, kehakiman, bahasa, agama dan kerakyatan diterima oleh masyarakat.

- Zaman Melaka terdapat dua sumber undang-undang bertulis dipegaruhi oleh hokum adapt tempatan dan agama Islam iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka.
- Hukum Kanun Melaka mengandungi 44 fasa.
- Menyentuh bidang kuasa raja dan pembesar serta pantang larang dikalangan anggota masyarakat.
- Hukuman ke atas kesalahan jenayah awam, undang-undang keluarga dan lain-lain.
- Undang-undang Laut Melaka
- Membincangkan perkarta yang berkaitan dengan tatacara pelayaran di laut seperti tanggungjawab pengawal kapal, atur cara pelayaran, perniagaan, bidang kuasa nakhoda kapal dan hukuman bagi kesalahan jenayah.

Rakyat

- Seluruh penduduk bagi sesebuah wilayah
- Mereka terikat kepada undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan dalam wilayah tersebut.
- Zaman Melaka rakyat bertanggungjawab mentaati raja yang memerintah

Kerajaan

- Badan yang diberi kuasa untuk urus pentadbiran, jaga keamanan , pertahan kedaulatan Negara dan jalin hubungan diplomatic dengan negara lain.
- Zaman Melaka raja atau sultan merupakan pemerintah tertinggi yang dibantu Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggong dan Laksemana.

3.3 Warisan Negeri-Negeri Melayu.

1. **Unsur-unsur warisan Kesultanan Melayu Melaka yang diamalkan di negeri-negeri Melayu.**
 - Sistem pemerintahan Negeri-Negeri Melayu seperti Johor, Perak, dan Pahang berdasarkan sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka.
 - Warisan Kesultanan Melayu Melaka seperti adat istiadat melayu, agama Islam dan Bahasa Melayu berkembang di negeri-negeri tersebut.
 - Kerajaan tersebut diasaskan oleh kerabat diraja Melaka.
 - Semua pemerintah negeri menggunakan gelaran Sultan pada awal nama masing-masing.
 - Sistem warisan takhta di negeri-negeri tersebut mementingkan jurai keturunan sebelah bapa.
 - Putera sulung sultan dengan permaisurinya berpeluang mewarisi takhta kerajaan.
 - Sekiranya sultan tidak mempunyai putera, adik lelaki sultan boleh mewarisi takhta.
 - Mengamalkan Sistem Pembesar Empat Lipatan seperti diamalkan oleh Melaka.

- Perbezaan antara ketiga-tiga negeri tersebut adalah pada gelaran pembesarnya, disebabkan perubahan semasa dan penyesuaian dengan keadaan tempatan.
- Kitab undang-undang disalin dan dipinda berdasarkan Hukum kanun Melaka untuk disesuaikan dengan unsure tempata. Contoh Undang-Undang Pahang yang disusun oleh Sultan Abdul Ghapur Muhaiyuddin Syah pada tahun 1596.

2. **Persamaan kandungan antara Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895 dengan Undang-Undang Tubuh Negeri Terengganu 1911.**

- Keturunan Sultan sebagai pewaris takhta
- Agama Islam sebagai agama negeri
- Raja hendaklah berbangsa Melayu, lelaki dan beragama Islam
- Raja merupakan waris pemerintah
- Raja berhak memilih Menteri Besar / dilantik oleh Sultan
- Jawatan Naib Menteri Besar ditentukan oleh Jemaah Menteri dengan perkenan Raja
- Ahli Mesyuarat Kerajaan bertanggungjawab membantu Sultan dan Jemaah Menteri untuk mentadbir negeri dan rakyat
- Mesyuarat kerajaan dikutuai oleh Menteri Besar
- Jemaah Menteri mempunyai kuasa perundangan

3. **Perbezaan kandungan antara Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895 dengan Undang-Undang Tubuh Negeri Terengganu 1911.**

- Undang-undang tersebut diperkenal untuk negeri masing-masing.
- Tarikh Undang-Undang Tubuh Negeri Terengganu diperkenalkan pada tahun 1911 manakala Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895.
- Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor diperkenalkan oleh Sultan Abu Bakar manakala Undang-Undang Tubuh Negeri Terengganu oleh Sultan Zainal Abidin III.
- Undang-undang Johor dikenali Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor manakala undang-undang Terengganu dikenali sebagai Undang-Undang Tubuh Negeri Terengganu atau *Ittiqan-ilmuluk bi-ta'dil il-suluk* yang bermaksud keyakinan kepada pemerintah yang berdasarkan keadilan.

4. **Sistem Jemaah Menteri di Kelantan bertujuan untuk melicinkan pentadbiran dan pemerintahan.**

- Diamalkan semasa pemerintahan Sultan Muhammad I(1801-1836).
- Baginda melantik beberapa orang pembesar untuk membantu pentadbirannya.
- Sultan Muhammad II(1836-1886) telah memperkemaskan Sistem Jemaah Menteri dengan mewujudkan lapan badan Jemaah Menteri.
- Setiap satunya dianggotai oleh empat orang pembesar.
- Setiap Jemaah Menteri mempunyai bidang tugas masing-masing.

- Lapan badan Jemaah Menteri itu ialah:
 - Jemaah Penasihat Raja
 - mengurus perkara dan urusan penting yang bukan rahsia.
 - Jemaah Menteri Istana
 - mengurus istiadat diraja dan istiadat rasmi di seluruh negeri kelantan.
 - Jemaah Menteri Keadilandan Kehakiman
 - mengendalikan urusan penting tentang keadilan dan kehakiman.
 - Jemaah Menteri Dalam Negeri
 - Menjaga keamanan negeri.
 - Jemaah Menteri Luar Negeri
 - Mengurus dasar dan hal ehwal luar negara.
 - Jemaah Menteri Perbendaharaan
 - Mengendali harta benda dan hasil mahsur.
 - Jemaah Menteri Peperangan
 - Mengurus pertahanan dan keamanan negeri.
 - Jemaah Menteri Pentadbiran danPenggimaran Negeri
 - Mengurus kemajuan dan pembangunan negeri.

5. Sembilan buah daerah dalam Negeri sembilan.

- Sungai Ujong, Rembau, Johol, Jelebu, Jempol, Seri Menanti, Inas, Terachi, dan Gunung Pasir.

6. Gelaran tertinggi pemerintah Negeri Sembilan

- Gelaran ialah Yang Dipertuan Besar.

7. Unsur demokrasi dalam sistem pemerintahan di negeri Sembilan

- Negeri sembilan mengamalkan sistem pemerintahan berdasarkan Adat Perpatih, iaitu kedaulatan berada di tangan rakyat.
- Pelantikan pemimpin dibuat daripada peringkat palin, bawah iaitu Anak Buah, diikuti oleh Buapak, Lembaga dan Undang yang kemudiannya melantik Yang Dipertuan Besar.
- Perlantikan pembesar dibuat oleh Undang, Lembaga, buapak dan Anak Buah walaupun Yang Dipertuan Besar pemerintah tertinggi kerajaan.
- Setiap keputusan yang dibuat oleh Yang Dipertuan Besar adalah berdasarkan perundingan baginda dengan Undang.
- Setiap Luak ditadbir oleh Undang dan mereka dipilih oleh Lembaga.
- Undang dipertanggungjawab untuk melantik Yang Dipertuan Besar.
- Lembaga dilantik oleh Buapak .Buapak merupakan ketua suku anggota masyarakat yang bertanggungjawab terhadap suku masing-masing.
- Lembaga berkuasa melantik individu yang layak menjadi Undang.

- Buapak merupakan ketua Perut. Buapak menjadi tempat rujukan bagi setiap masalah, khususnya yang berkaitan dengan adat.
- Setiap anggota Perut dikenali sebagai anak Buah.
- Sistem ini tidak mengamalkan kuasa mutlak tetapi mengagihkan tersebut kepada individu mengikut pangkat.
- Ini menunjukkan sistem pemilihan pemimpin mempunyai unsur demokrasi.

8. **Peraturan hidup yang menjadi amalan dalam Adat Perpatih**

- Kepentingan bersama dalam membuat keputusan.
- Semangat gotong-royong, dalam sebarang pekerjaan.
- Saling menghormati di antara satu sama lain.
- Bermuafakat untuk memilih pemimpin.
- Semangat kerjasama antara suku untuk memilih pemimpin.

BAB 4 : PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA MALAYSIA

(a) Faktor-faktor pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

- Ketegasan orang Melayu membantah Malayan Union di bawah Pimpinan Dato' Onn Ja'afar
- Perpaduan di kalangan orang Melayu yang terdiri daripada golongan Raja dan rakyat
- Perpaduan mereka dapat mengatasi pihak yang menyokong Malayan Union
- Keupayaan orang Melayu memujuk British
- Orang Melayu mendesak British menghidupkan semula dasar perlindungan terhadap orang Melayu
- Desakan ini meyakinkan British membatalkan Malayan Union
- Sokongan bekas pegawai tinggi British mendorong British membentuk Persekutuan Tanah Melayu seperti Sir Frank Swettenham dan Sir Cecil Clementi
- Sokongan daripada pegawai tinggi British seperti Sir Malcolm MacDonald dan L.D. Gammans menggantikan Malayan Union
- Sikap politik orang Melayu yang sederhana dengan menulis dalam akhbar, berdemonstrasi, berkongres, memujuk Raja-Raja Melayu
- Mereka juga tidak menentang secara kekerasan (tidak mengangkat senjata)
- British tertarik dengan cara UMNO
- Orang Melayu melalui UMNO tidak menuntut kemerdekaan tetapi hanya menuntut rundingan menolak Malayan Union
- British bimbang orang Melayu akan dipengaruhi oleh gerakan radikal seperti PKMM, API, AWAS dan BATAS
- Piagam Atlantik 1945 meminta negara-negara kolonial memberikan latihan berkerajaan sendiri kepada penduduk tempatan

(b) Langkah-langkah pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948

- Bantahan orang Melayu menyebabkan British membatalkan Malayan Union
- British menubuhkan Jawatankuasa Eksekutif
- Jawatankuasa ini dianggotai oleh 12 orang ahli yang terdiri daripada pegawai kanan British, pemimpin UMNO dan wakil Raja-Raja Melayu
- Jawatankuasa Eksekutif mengadakan mesyuarat di King's House, Kuala Lumpur
- Orang Melayu mengemukakan lima tuntutan dalam rundingan dengan British

- Tuntutan itu ialah menginginkan sebuah persekutuan seperti konsep Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, menolak kerakyatan terbuka, meminta dasar perlindungan terhadap Negeri-Negeri Melayu dan orang Melayu dipulihkan
- Raja-Raja Melayu sebagai ketua Negeri-Negeri Melayu perlu diakui semula
- Perundingan ditentang oleh orang dagang dan golongan radikal Melayu
- Golongan radikal Melayu dipimpin oleh Dr. Burhanuddin al-Helmy
- Mereka berpendapat Jawatankuasa Eksekutif tidak mewakili semua kaum
- Mereka menuntut konsep sebuah republik dan kemerdekaan penuh
- Golongan radikal menubuhkan AMCJA dan PUTERA bagi menentang British dan UMNO
- Mereka mengadakan ceramah politik, demonstrasi dan mogok
- Mereka mencadangkan Perlembagaan Rakyat
- British menubuhkan Jawatankuasa Perunding bagi mendapatkan pandangan dalam menyediakan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu
- Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu ditandatangani pada 21 Januari 1948

(c) Cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh golongan radikal Melayu melalui Perlembagaan Rakyat

- Singapura disatukan dengan Tanah Melayu
- Sebuah Kerajaan Pusat dan Majlis-Majlis Negeri dipilih
- Raja Melayu mempunyai kuasa sebenar dan bertanggungjawab kepada rakyat
- Kedudukan istimewa orang Melayu dikembalikan
- Adat istiadat dan agama Islam dikawal oleh orang Melayu
- Kerakyatan yang sama rata
- Merah dan putih menjadi warna bendera Tanah Melayu
- Bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi
- Pertahanan dan hal ehwal luar negeri menjadi tanggungjawab British dan Tanah Melayu
- Warganegara Tanah Melayu dinamai Melayu

(d) Ciri-ciri utama Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948

- Sebuah persekutuan dibentuk dengan gabungan 11 buah negeri
- Persekutuan Tanah Melayu diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi British
- Konsep Raja Berperlembagaan diwujudkan
- Senarai Persekutuan dan Senarai Negeri dibentuk
- Pesuruhjaya Tinggi British menjaga kedudukan istimewa orang Melayu
- Syarat kerakyatan diperketatkan.
- Kerakyatan jus soli hanya untuk Rakyat Raja Melayu dan Rakyat British sahaja
- British mengiktiraf semula ketuanan Melayu
- Institusi raja dikekalkan dengan bidang kuasa dan kedudukannya yang jelas

(e) Ciri-ciri pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu 1948

- Perkongsian kuasa antara Majlis Raja-Raja dengan Pesuruhjaya Tinggi di peringkat pusat
- Pesuruhjaya Tinggi dibantu oleh Majlis Eksekutif dan Majlis Perundangan Persekutuan
- Sultan menjadi ketua negeri
- Sultan berkuasa melantik Menteri Besar
- Menteri Besar sebagai ketua pentadbir negeri
- Menteri Besar dibantu oleh Majlis Eksekutif Negeri dan Majlis Perundangan Negeri

(f) Kepentingan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 .

- Persekutuan Tanah Melayu menjadi asas pentadbiran negara selepasnya
- Perkongsian kuasa antara Majlis Raja-Raja dengan Pesuruhjaya Tinggi pada peringkat pusat
- Bidang kuasa dan kedudukan Raja-Raja Melayu dipulihkan
- Pada peringkat negeri, Sultan menjadi ketua negeri dan berkuasa melantik Menteri Besar sebagai ketua pentadbir negeri
- Mengasaskan sistem pembahagian kuasa antara kerajaan pusat dengan kerajaan negeri
- Terbentuk Senarai Persekutuan dan Senarai Negeri
- Syarat kerakyatan diperketatkan
- British mengiktiraf semula ketuanan Melayu sebagai asas pembentukan Persekutuan Tanah Melayu
- Institusi Raja Melayu dikekalkan dengan bidang kuasa dan kedudukannya jelas dalam pentadbiran
- Setiap negeri Melayu mengadakan perjanjian dan perlembagaan bertulis dengan British dikenali sebagai Undang-undang Tubuh Negeri
- Penerusan dasar perlindungan British terhadap kedudukan istimewa orang Melayu
- Status quo Negeri-Negeri Melayu dilindungi
- Agama Islam dan adat istiadat Melayu teras ketuanan bangsa Melayu
- Prinsip yang dicadangkan oleh UMNO dan Raja-Raja Melayu menjadi undang-undang bertulis
- Perkara ini menjadi asas kepada Kontrak Sosial antara British dengan Raja-Raja Melayu dan orang Melayu

(g) Tokoh-Tokoh Penggerak Persekutuan Tanah Melayu & Peranannya

Raja-Raja Melayu

- Sultan Badlishah(Kedah)
- Sultan Abdul Aziz(Perak)
- Sultan Ibrahim(Johor)
- Mereka menuntut supaya kuasa Raja-Raja Melayu dikembalikan seperti sebelum tahun 1941
- Perlindungan kepada rakyat Melayu sebagai Rakyat Raja Melayu juga patut dikekalkan
- Mereka tidak menolak kehadiran British tetapi menuntut supaya kuasa mereka, perlindungan terhadap orang Melayu dan hal ehwal ketuanan Melayu dipelihara

Pembesar Tempatan

- Dato' Onn Jaafar(Menteri Besar Johor & Yang Dipertua UMNO)
- Dato' Nik Ahmed Kamil(Menteri Besar Kelantan)
- Mereka bertindak sebagai penasihat kepada raja
- Bersama-sama mendukung idea penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948
- Bersama Raja-Raja Melayu mencadangkan dan mendesak British melindungi kepentingan orang Melayu beserta Raja-Raja Melayu
- Kerjasama mereka membolehkan prinsip-prinsip politik, pentadbiran, agama Islam dan bahasa Melayu serta pengekalan institusi Raja Melayu berjaya dimasukkan ke dalam Persekutuan Tanah Melayu 1948

BAB 5 : PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA YANG MERDEKA

PAKATAN MURNI

a) Maksud Pakatan Murni

- Usaha semua kaum di Tanah Melayu menghasilkan kerjasama dan tolak ansur politik melalui rundingan
- Jalan untuk menyelesaikan tuntutan dan masalah yang tersendiri
- untuk menyatukanpadukan pelbagai kaum

b) Usaha-usaha / langkah-langkah ke arah Pakatan Murni

- penubuhan Jawatan Hubungan Antara Kaum (CLC)
- Beberapa perkara telah dipersetujui
 - Penubuhan Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA)
 - Kerakyatan Negeri 1951
 - Pilihanraya peringkat perbandaran , negeri dan Majlis Perundangan
- Pembukaan keahlian UMNO kepada bukan Melayu
- Penubuhan Parti Kemerdekaan Malaya (IMP)
- Penubuhan Persidangan Kebangsaan
- Konvensyen Kebangsaan UMNO – MCA

c) Kepentingan penubuhan Jawatankuasa Antara Kaum (CLC)

- Titik permulaan kerjasama antara kaum
- Memperlihatkan perubahan terhadap dasar UMNO kerana sanggup berunding dengan kaum lain
- Satu pendekatan baru dalam politik Persekutuan Tanah Melayu
- Meletakkan perpaduan kaum menjadi asas kemerdekaan yang akan dicapai

d) Perkara yang dipersetujui dalam perundingan UMNO - CLC

- Penubuhan Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA)
- Memajukan ekonomi dan pendidikan masyarakat luar bandar
- Pelantikan Dato Onn Jaafar sebagai pengerusi pertama
- Kerakyatan Negeri 1951 diberikan kepada imigran yang lahir di Persekutuan Tanah Melayu dengan syarat ibu bapanya telah menjadi rakyat Tanah Melayu
- Pilihanraya di peringkat perbandaran , negeri dan Majlis Perundangan Persekutuan akan diadakan pada masa yang sesuai

e) **Peranan Dato Onn Jaafar**

- Mewakili orang Melayu dalam Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC)
- Menjadikan perpaduan kaum sebagai asas kemerdekaan yang akan dicapai
- Pengerusi pertama Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA)
- Membuka keahlian UMNO kepada bukan Melayu
- Menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya (IMP)
- Membuka IMP kepada semua kaum
- Menggunakan konsep kerjasama kaum dalam satu parti

f) **Sebab – sebab IMP gagal**

- Kaum Cina, India dan kaum lain tidak merasakan mereka satu bangsa Tanah Melayu
- Rasa perpaduan terlalu asing bagi mereka
- Mereka sudah mempunyai parti mewakili kaum masing-masing

g) **Kejayaan Parti Perikatan**

- Memenangi pihanraya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur 1952
- Memenangi Pilihanraya Majlis Perbandaran beberapa bandar utama
- Memenangi Pihanraya Negeri 1954
- Mengasaskan penubuhan Parti Perikatan 1955
- Menganggotai Jawatankuasa Pilihanrayaa Majlis Mesyuarat Perundangan
- Memenangi pilihanraya Majli Perundangan Persekutuan 1955
- Menubuhkan kerajaan dan membentuk kabinet
- Tunku Abdul Rahman menjadi Ketua Menteri
- Membahagikan kabinet daripada pelbagai kaum
- Tunku Abdul Rahman mengetuai rombongan rundingan kemerdekaan

Manifesto Parti Perikatan

- Mencapai kemerdekaan dalam masa empat tahun
- Mewajibkan pendidikan
- Menjadikan perkhidmatan awam bercorak tempatan
- Menjaga hak asasi manusia
- Melindungi hak Raja-raja Melayu sebagai Raja Berperlembagaan

Peranan Suruhanjaya REID.

- Membincang perlembagaan Persekutuan
- Menyusun Perlembagaan Persekutuan
- Merangka sebuah perlembagaan bagi Persekutuan Tanah Melayu yang akan merdeka berpandukan beberapa isu
 - Kerjaan persekutuan yang kuat
 - Pemberian kuasa autonomi kepada negeri dalam bidang tertentu
 - Kedudukan Raja-Raja Melayu
 - Hak istimewa orang Melayu
 - Pewujudan satu bangsa Persekutuan Tanah Melayu
- Menerima 131 memorandum daripada pelbagai pihak
 - Raja-Raja Melayu
 - Orang perseorangan
 - Pertubuhan politik
- Cadangan parti Perikatan diberi perhatian utama sebagai kerajaan
- Menerbitkan cadangan Suruhanjaya Reid pada Februari 1957
- Cadangan diterima oleh parlimen British Mei 1957
- Melahirkan Perlembagaan Kemerdekaan 1957

Kerakyatan Jus soli

- Tuntutan orang dagang
- Tidak diterima oleh orang Melayu
- Prinsip kerakyatan yang sama rata kepada semua kaum
- Boleh melemahkan orang Melayu
- Raja-Raja Melayu telah menerima kerakyatan jus soli dengan syarat orang bukan Melayu mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu
- Pakatan Murni antara kaum telah terbina di Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka
- Agama Islam sebagai agama rasmi PTM
- Bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan

Isi Penting Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957

- Pembentukan sebuah Kerajaan Persekutuan
- Pemisahan antara kuasa persekutuan dengan kuasa negeri
- Pemisahan melalui Senarai Persekutuan dan Senarai Negeri
- Institusi Raja dijadikan Raja Berpelembagaan pada peringkat negeri dan negara
- Tiga jenis kerakyatan diwujudkan
- Kedudukan istimewa orang Melayu dikekalkan
- Agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan
- Tanah Simpanan Melayu dikekalkan
- Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan
- Yang di-Pertuan Agong menjadi ketua negara
- Demokrasi berparlimen sebagai pentadbiran negara
- Dewan Rakyat dan Dewan Negara diletak di bawah kuasa Parlimen
- Menteri Besar menjadi pelaksana pentadbiran peringkat negeri dibantu Dewan Undangan Negeri dan EXCO

Kepentingan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957

- Pakatan murni dicapai
- Wujud kerajaan demokrasi berkonsep Raja Berpelembagaan
- Pemimpin Melayu dan bukan Melayu menyokong pakatan ini
- Wujud perpaduan jitu antara kaum di PTM
- Keharmonian kaum dapat dicapai tanpa pertumpahan darah
- Memberi hak mutlak kepada penduduk tempatan untuk mentadbir negara yang merdeka mengikut acuan sendiri
- Setiap kaum berusaha untuk melahirkan identiti masyarakat yang merdeka
- Perbezaan warna kulit, agama, bahasa dan bangsa diketepikan

Usaha para pemimpin negara dalam mencapai kemerdekaan

- Bijaksana dalam menuntut kemerdekaan
- Kemerdekaan tanpa pertumpahan darah
- Sikap bekerjasama
- Sentiasa mengutamakan perundingan
- Kata sepakat telah menjadi pendekatan terbaik masyarakat berbilang kaum

Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj

- Presiden UMNO
- Ketua parti Perikatan
- Perdana Menteri pertama
- Bijak mengendalikan pakatan murni antara kaum
- Mencapai kemerdekaan dengan penuh harmoni dan gemilang

Tun Abdul Razak

- Timbalan Presiden UMNO
- Timbalan Perdana Menteri pertama
- Perunding dalam tuntutan kemerdekaan di London tahun 1956
- Perunding untuk menyiapkan Perlembagaan Kemerdekaan 1957
- Pengerusi Jawatankuasa Penyata Pendidikan 1956
- Menggubal sistem pendidikan Kebangsaan Negara / Penyata Razak 1957
- Menjadi Perdana Menteri Malaysia kedua 1970

Tun H. S. Lee

- Tokoh MCA
- Memulakan kerjasama antara kaum sehingga mencetus idea Parti Perikatan
- Berkerjasama dengan UMNO dan MIC untuk mendapat kemerdekaan
- Menteri kewangan pertama

Tun V. T. Sambanthan

- Sumbangan dalam menuntut kemerdekaan
- Presiden MIC
- Menyokong sepenuh dasar kerjasama kaum sebagai tonggak kemerdekaan negara
- Menyeru kaum India memberi kesetiaan tidak berbelah bagi kepada negara

BAB 7. SISTEM PEMERINTAHAN DAN PENTADBIRAN NEGARA MALAYSIA.

1. Institusi Raja Berperlembagaan dan bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong

(a) Konsep Raja Berperlembagaan

- Sistem pemerintahan yang mengekalkan raja sebagai pemerintah tertinggi
- Pemerintah dibantu oleh Perdana Menteri
- Sistem pemerintahan beraja mengikut peruntukan dalam perlembagaan Malaysia.
- Yang Pertuan Agong bertindak berdasarkan perlembagaan dan nasihat Perdana Menteri.
- Yang di - Pertuan Agong di pilih daripada kalangan negeri raja Melayu daripada 9 buah negeri. secara bergilir-gilir
- Pemilihannya berdasarkan peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia

(b) Bidang Kuasa Yang di-Pertuan Agong Mengikut Perlembagaan Malaysia.

- Yang di Pertuan Agong mengetuai tiga badan kerajaan iaitu badan perundangan (Legislatif), badan pemerintahan (eksekutif) dan badan kehakiman (Judisiari)
- Yang di Pertuan Agong berkuasa memanggil dan membubarkan parlimen
- Yang di Pertuan Agong adalah Ketua Tertinggi Angkatan Bersenjata. Baginda berkuasa mengampun dan menangguhkan sesuatu hukuman terhadap kesalahan yang dibicarakan oleh Mahkamah Tentera
- Bertanggungjawab menjaga dan memelihara kedudukan dan hak istimewa orang Melayu. Baginda boleh menitahkan Majlis Raja-Raja Melayu mengadakan mesyuarat bagi membincangkan keistimewaan, kedudukan, dan kehormatan Raja-Raja Melayu
- Sebagai ketua agama Islam bagi negeri baginda sendiri, Pulau Pinang, Melaka, Wilayah Persekutuan, Sarawak dan Sabah
- Mempunyai kuasa budi bicara untuk melantik Perdana Menteri. Baginda mempunyai kuasa melantik dan melucutkan jawatan Jemaah Menteri dan Timbalan Menteri setelah mendapat nasihat Perdana Menteri
- Berkuasa mengisytiharkan undang-undang darurat di bawah Undang-Undang X jika mendapati keselamatan negara terancam
- Berkuasa melantik pengerusi dan tiga orang ahli Suruhanjaya Pilihan raya, ahli Perkhidmatan Kehakiman serta Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Baginda juga bertanggungjawab melantik Peguam Negara dan seorang Ketua Audit Negara bagi Persekutuan

(c) Kepentingan Raja Berperlembagaan

- Merupakan tonggak keagungan kerajaan Malaysia sejak merdeka hingga kini
- Membantu memantapkan kewibawaan institusi beraja di negara kita
- Memberi keseimbangan kepada raja yang menaungi rakyat dan rakyat yang dinaungi raja

2. KONSEP NEGARA PERSEKUTUAN DAN FUNGSINYA .

- Malaysia ialah sebuah negara Persekutuan
- Persekutuan bermaksud penyatuan beberapa buah negeri yang mempunyai sebuah kerajaan Persekutuan serta beberapa buah kerajaan negeri.
- Kedua-dua kerajaan ini menjalankan tugas berdasarkan kuasa yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Malaysia.

(a) Pengagihan Kuasa Pentadbiran Malaysia

Senarai Persekutuan

Memuatkan bidang kuasa Persekutuan iaitu hanya Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa terhadapnya

- Hal ehwal luar negeri(hubungan luar)
- Pertahanan
- Keselamatan dalam negeri
- Pentadbiran dan keadilan
- Kerakyatan negara
- Pilihanraya negara
- Kewangan
- Perniagaan, perdagangan dan perusahaan
- Perkapalan, pelayaran dan pengangkutan
- Jabatan Ukur, penyelidikan
- Kerja raya dan tenaga pusat
- Pelajaran
- Kesihatan
- Keselamatan buruh dan sosial
- Orang Asli
- Hal-hal lain

(b) Senarai Negeri

Mengandungi bidang kuasa yang diperuntukkan kepada negeri iaitu Kerajaan Negeri sahaja mempunyai kuasa terhadapnya

- Undang-undang Islam
- Tanah
- Pertanian dan perhutanan
- Kerajaan Tempatan
- Perkhidmatan tempatan
- Kerajaan negeri
- Hari cuti negeri
- Undang-undang negeri

Senarai Bersama

Senarai Bersama menurunkan bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Dalam bidang kuasa ini kedua-dua kerajaan mempunyai kuasa terhadapnya.

- Kebajikan sosial
- Biasiswa
- Taman Negara
- Perancangan bandar dan wilayah
- Penjagaan haiwan
- Kesihatan dan kebersihan awam
- Parit dan tali air
- Pemulihan
- Hiburan awam
- Perhubungan

Rumusan

- Persekutuan adalah satu kaedah menyatukan pelbagai wilayah yang dahulunya wujud berasingan.
- Hubungan baik Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri perlu dipupuk demi kestabilan dan kewibawaan Kerajaan Persekutuan dalam membantu mengurangkan perbalahan etnik
- Pemimpin dan rakyat mesti mengamalkan toleransi demi kepentingan bersama.

3. PERBANDINGAN BIDANG KUASA KERAJAAN PERSEKUTUAN DENGAN KERAJAAN NEGERI.

(a) Bidang kuasa Kerajaan Persekutuan

- Perlembagaan persekutuan peruntukkan kuasa yang luas kepada kerajaan Persekutuan dalam pentadbiran negeri
- Badan eksekutif mempunyai tugas menjalankan kuasa eksekutif mengikut perlembagaan dan undang-undang yang sedia ada.
- Kuasa eksekutif kerajaan persekutuan terletak kepada Yang di-Pertuan Agong
- Kabinet dan Jemaah Menteri menjalankan kuasa Eksekutif dan diketuai oleh Perdana Menteri.

(b) Bidang kuasa Kerajaan Negeri

- Peruntukan kuasa eksekutif kepada Kerajaan negeri oleh Perlembagaan Malaysia.
- kuasa Eksekutif terletak kepada Raja, sultan atau Yang Dipertua Negeri,
- Menteri Besar atau Ketua Menteri di lantik oleh Sultan atau Yang diPertua
- Urusan Pentadbiran terletak kepada Perlembagaan Negeri.
- Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri mengandungi sembilan ahli DUN serta tiga orang pegawai kerajaan iaitu setiausaha Kerajaan negeri, Pegawai kewangan negeri dan Penasihat undang-undang negeri.

(3) LAMBANG-LAMBANG NEGARA

Tujuan

- Rakyat dapat menunjukkan kesetiaan terhadap tanah air
- Rakyat sanggup berkorban dan kecintaan terhadap tanah air
- Rakyat sentiasa bersemangat
- simbol perpaduan
- Lambang kemegahan penduduk
- Membezakan Malaysia dengan Negara lain
- Melambangkan kedaulatan sesebuah Negara
- Taat kepada pemerintah
- Terdiri daripada Jata Negara, bendera kebangsaan dan lagu kebangsaan.

(a) JATA NEGARA

- Menjadi lambang kemegahan penduduk negara
- Setiap lambang mempunyai maksud tersendiri
- Lima bilah keris lambang negeri Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor yang dikenali sebagai Negeri Melayu Tidak Bersekutu.
- Pokok Pinang mewakili negeri Pulau Pinang.
- Pokok Melaka melambangkan negeri Melaka.
- 2 ekor harimau melambangkan keberanian.
- Negeri Sarawak dan Sabah dilambangkan jata negeri tersebut.

- Bulan sabit –agama Islam sebagai agama rasmi dan bintang empat belas gabungan 14 buah negeri Persekutuan.
- Empat jalur berlainan warna merujuk negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan, dan Pahang yang dikenali sebagai Negeri Melayu Bersekutu.
- Hitam putih lambang negeri Pahang.
- Warna merah dan kuning lambang negeri Selangor.
- Warna hitam, putih, dan kuning lambang negeri Perak.
- Warna merah, hitam, kuning lambang negeri Sembilan

(b) BENDERA KEBANGSAAN

- Menggantikan bendera Union Jack pada tengah malam 31 Ogos 1957
- Pada tahun 1949 ditubuhkan Jawatankuasa reka bentuk Bendera Persekutuan Tanah Melayu
- Adakan pertandingan mereka bentuk bendera dan 373 peserta mengambil bahagian.
- Encik Mohamad Hamzah telah terpilih sebagai pemenang.
- Pada 26 Mei 1950 buat pertama kali Bendera Persekutuan berkibar di perkarangan istana Sultan Selangor.
- Bendera Persekutuan dikenali juga Jalur Gemilang.
- Dikibar di majlis rasmi dan adapt istiadat rasmi, seperti hari keputeraan Yang di-Pertuan Agong dan Hari Kebangsaan.
- Warna merah- keberanian
- Warna putih –kesucian
- Warna biru –Perpaduan
- Warna kuning –lambang kedaulatan Raja-raja Melayu
- Bulan sabit –lambang agama Islam sebagai agama rasmi
- Bintang berpecah empat belas-lambang gabungan empat belas negeri.
- 14 Jalur –warna merah dan putih lambang gabungan negeri.

(c) LAGU KEBANGSAAN.

- Sebelum Merdeka lagu kebangsaan ialah ‘God Save the Queen’
- Lagu kebangsaan negara kita dikenali juga lagu Negaraku yang dicipta pada tahun 1957
- Pemilihan lagu dibuat oleh Tunku Abdul Rahman yang mengetuai sekumpulan jemaah hakim di Dewan Polis Depoh, Kuala Lumpur
- Pasukan pancaragam polis Di raja telah memperkenalkan 4 buah lagu.
- Lagu Terang Bulan iaitu lagu kebangsaan negeri Perak dipilih kerana mempunyai unsur kemelayuan.
- Majlis Raja-Raja Melayu memperkenankan keputusan jemaah hakim tersebut
- Lagu terang bulan dipilih sebagai asas lagu kebangsaan
- Digubah semula oleh En. Saiful Bahri
- Lirik lagu menggambarkan kesetiaan rakyat kepada negara.

- Lirik lagu menuntut kita supaya bersyukur, taat kepada raja dan sanggup berkorban demi mempertahankan tanah air
- Membangkitkan semangat patriotik dan cintakan negara
- Semua rakyat mesti berbangga dengan lagu kebangsaan.
- ngan lagu kebangsaan.

BAB 8 : PEMBANGUNAN DAN PERPADUAN UNTUK KESEJAHTERAAN

1. Cadangan Laporan Barnes :

- semua sekolah vernakular Melayu, Cina dan Tamil dibubarkan
- Digantikan dengan sekolah kebangsaan
- Pada peringkat sekolah rendah bahasa pengantar ialah bahasa Melayu
- Pada peringkat sekolah menengah dan peringkat yang lebih tinggi bahasa pengantar ialah bahasa Inggeris
- Tentangan terhadap Laporan Barnes - masyarakat Cina menganggap bahasa ibunda mereka akan tergut

2 Cadangan laporan Fenn-Wu

- Sekolah vernakular Cina terus kekal dan bersetuju dengan sistem pendidikan kebangsaan

3 Cadangan Ordinan Pelajaran 1952:

- Dua sistem persekolahan yang menggunakan dua bahasa pengantar iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Melayu
- Pengajaran bahasa Cina dan Tamil akan disediakan sekiranya ada permintaan daripada ibubapa
- Bahasa Melayu diwajibkan diajar di sekolah Inggeris dan bahasa Inggeris diwajibkan diajar di sekolah Melayu
- .Masalah dalam pelaksanaan Ordinan Pelajaran - Tentangan masyarakat Cina , Tentangan masyarakat dan India , kekurangan kewangan dan ancaman komunis

4 Dua elemen penting Penyata Razak untuk memupuk perpaduan

- Sistem persekolahan yang sama bagi semua penduduk
- Penyeragaman kurikulum yang bercorak kebangsaan

5 Cadangan Penyata Razak :

- Penubuhan sekolah umum (rendah) yang menggunakan bahasa Melayu sebagai pengantar
- Sekolah menengah melayu menggunakan bahasa melayu sebagai bahasa pengantar
- Sekolah menengah Inggeris menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar
- Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris diwajibkan diajar di semua sekolah

6 Syor/Cadangan Laporan Rahman Talib 1960

- sekolah umum dijadikan sekolah kebangsaan
- sekolah jenis umum dijadikan sekolah jenis kebangsaan
- pelajaran percuma diberikan kepada semua pelajar sekolah rendah kerajaan tanpa mengira keturunan dan agama
- sekolah rendah yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar ditukar kepada bahasa Melayu
- Bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar di semua sekolah menengah
- Pelajaran agama Islam diajarkan di semua sekolah bantuan penuh kerajaan yang mempunyai tidak kurang 15 pelajar Islam
- Bahasa Cina dan bahasa Tamil akan diajar di sekolah kebangsaan sekiranya terdapat sekurang-kurangnya 15 orang pelajar
- Semua peperiksaan awam akan diadakan dalam bahasa kebangsaan

7 Kajian Aminudin Baki :

- sistem persekolahan aneka jurusan diperkenalkan
- menyediakan pelajaran pada peringkat menengah rendah sehingga berumur 15 tahun
- memberikan pelbagai kursus kemahiran untuk melahirkan tenaga kerja mahir
- sebagai persediaan untuk pasaran kerja
- kursus kemahiran yang diajarkan ialah perdagangan , sains rumah tangga , seni perusahaan dan sains pertanian
- mata pelajaran wajib adalah seperti yang diajarkan di sekolah menengah biasa

8 Jawatankuasa Kabinet 1974

Objektif penubuhan Jawatankuasa Kabinet 1974 :

- menilai sejauh mana pelaksanaan dasar pelajaran kebangsaan yang sedia ada dapat melahirkan sumber tenaga manusia yang diperlukan oleh negara
- mengenalpasti sejauh mana dasar pelajaran kebangsaan dapat melahirkan masyarakat yang bersatu padu, berdisiplin dan terlatih

Kandungan Laporan Jawatankuasa Kabinet 1974:

- penguasaan dalam kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M)
- kenaikan darjah secara automatik
- penekanan terhadap sekolah vokasional
- sukatan pelajaran sekolah swasta
- bahasa melayu sebagai mata pelajaran wajib dalam peperiksaan
- penekanan terhadap kokurikulum dan disiplin sebagai asas perpaduan

Kesan Laporan Jawatankuasa Kabinet :

- pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) 1982
- pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) 1988
- penekanan perkembangan diri pelajar dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek

9 Kandungan/ Penekanan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan :

- memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu
- melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani , emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan
- melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan , berketerampilan , berakhlak mulia, bertanggungjawab , berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri
- memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara

AKTA BAHASA KEBANGSAAN

Langkah/Usaha/Cara Memajukan Bahasa Melayu

- Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka
- Pelancaran Minggu Bahasa dan Bulan Bahasa
- Pelancaran slogan “ Minggu Bahasa “ dan “ Bulan Bahasa
- Penubuhan sekolah menengah yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar seperti Sekolah Alam Syah
- Meluluskan Akta Bahasa Kebangsaan 1967
- Menukarkan bahasa pengantar di sekolah rendah Inggeris kepada bahasa kebangsaan secara berperingkat-peringkat
- Penubuhan Universiti Kebangsaan pada 1977
- Mulai 1982 bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar di semua sekolah menggantikan bahasa Inggeris
- Penggunaan bahasa Melayu di mahkamah pada tahun 1990

Dasar Kebudayaan Kebangsaan

Sejarah penubuhan :

- Lahir daripada gagasan Kongres kebudayaan Kebangsaan yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan pada tahun 1971

Tujuan Dasar Kebudayaan digubal :

- Menjadi panduan dalam membentuk dan mengekalkan identiti negara Malaysia
- Bertujuan memperkukuh perpaduan melalui kebudayaan
- Memupuk dan memelihara keperibadian kebangsaan
- Memperkaya dan mempertingkatkan kualiti kehidupan dari aspek kemanusiaan
- Memperkaya dan mempertingkatkan kualiti kehidupan dari aspek kerohanian
- Mempertingkatkan kualiti kehidupan seimbang dengan pembangunan sosio ekonomi

Tiga Prinsip utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan :

- kebudayaan rakyat asal rantau Melayu sebagai tunjang
- unsur-unsur kebudayaan lain yang wajar dan sesuai boleh diterima
- Islam sebagai unsur yang terpenting

SUKAN UNTUK PERPADUAN

Usaha untuk memupuk perpaduan dalam kalangan generasi baru negara kita

- penyertaan dalam sukan tanpa mengira ideologi
- dapat menyemarakkan semangat patriotik di kalangan rakyat
- aktiviti sukan tidak menghadkan penyertaan kepada sesuatu kaum sahaja
- aktiviti sukan membuka peluang seluas-luasnya kepada mereka yang berminat pada peringkat sekolah, sukan merupakan aktiviti sukan yang digalakkan
- Majlis Sukan sekolah-sekolah ditubuhkan di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan
- Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) diadakan dua tahun sekali
- SUKMA dapat mengeratkan perpaduan antara kaum / hubungan antara negeri

WAWASAN 2020

Maksud Wawasan 2020 :

- Merupakan gagasan negara untuk menjadi sebuah negara maju menjelang 2020
- Dicituskan oleh Perdana Menteri Dato Seri Dr Mahathir Mohamad pada 19981

Matlamat wawasan 2020

- Menjadikan Malaysia sebuah negara maju menggunakan acuan sendiri setanding dengan negara maju
- Menitikberatkan kemajuan bersepadu

Kemajuan Bersepadu untuk menjadi negara maju berteraskan :

- perpaduan rakyat
- kestabilan politik
- ketinggian taraf hidup
- kekukuhan nilai moral dan etika
- kekukuhan sistem kerajaan
- ketinggian maruah bangsa
- semangat yakin diri bangsa

Sembilan Cabaran Wawasan 2020 :

- **Cabaran Pertama : Membina bangsa Malaysia yang bersatu padu**
 - Perpaduan dapat dicapai melalui dasar kerajaan seperti dasar Pembangunan Nasional, Dasar Bahasa Kebangsaan, Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan Dasar Pendidikan Kebangsaan
 - Memberikan sumbangan ke arah mewujudkan hubungan antara kaum
 - Dapat mewujudkan rakyat yang beridentitikan Malaysia

- **Cabaran Kedua : Membina masyarakat berjiwa bebas, tenteram dan berkeyakinan**
 - Bangsa yang gagah akan dapat memajukan negara dan mengangkat martabat bangsa dan negara
 - Musuh negara mudah ditangkis
- **Cabaran Ketiga : Memupuk dan membina masyarakat demokratik yang matang**
 - masyarakat memiliki kebebasan untuk memilih kerajaan
 - menggunakan hak-hak demokrasi dengan sewajarnya
 - perasaan tidak puas hati dan teguran kepada kerajaan dan pemimpin disalurkan melalui saluran tertentu
- **Cabaran Keempat: Mewujudkan masyarakat yang bermoral dan beretika**
 - diseimbangkan dengan kemajuan fizikal dalam membentuk masyarakat berbudaya unggul
 - kepatuhan kepada agama, pengamalan budaya dan tradisi yang cemerlang
 - keberkesanan sistem pendidikan
 - keunggulan institusi kekeluargaan sumber pembinaan masyarakat bermoral
 - penekanan kepada melahirkan insan berilmu , berakhlak , seimbang dan harmonis
- **Cabaran Kelima : Mewujudkan masyarakat yang matang , liberal dan bertoleransi**
 - masyarakat yang matang dapat berfikir secara rasional dan tidak bertindak secara melulu
 - masyarakat yang liberal dapat membebaskan diri daripada fahaman sempit dan berfikiran terbuka serta menerima perubahan dan pandangan orang lain

- dapat dilihat melalui perlembagaan negara , pengamalan sistem demokrasi , kewujudan parti politik gabungan pelbagai kaum seperti Barisan Nasional , Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Akta Bahasa Kebangsaan
- **Cabaran Keenam : Membina masyarakat yang maju dan saintifik**
 - masyarakat progresif yang dapat menyerap perubahan persekitaran untuk membina kecemerlangan
 - penguasaan masyarakat terhadap ilmu pengetahuan yang bertunjangkan sains dan teknologi ukuran kemajuan bangsa
 - mempunyai budaya ilmu yang menjana produktiviti dan amalan kreatif serta inovatif
- **Cabaran Ketujuh : Mewujudkan masyarakat berbudaya penyayang**
 - dicirikan dengan kehidupan masyarakat yang bermuafakat, saling memahami dan menghormati, bekerjasama dan saling membantu
 - masyarakat yang tidak individualistik
 - meletakkan kepentingan masyarakat lebih daripada kepentingan diri
 - asas masyarakat penyayang ialah kepatuhan kepada agama, nilai-nilai murni amalan tradisi dan institusi kekeluargaan
- **Cabaran Kelapan : Menjamin masyarakat yang adil dan saksama ekonominya**
 - Pelaksanaan dasar-dasar seperti Rancangan Pembangunan Lima Tahun , Rancangan Pembangunan Luar Bandar , Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional.
 - Dasar-dasar ini untuk menjamin keadilan ekonomi sekaligus meningkatkan taraf hidup rakyat

- **Cabaran Kesembilan : Memupuk dan membina masyarakat makmur**
 - Dicitikan oleh masyarakat yang hidup dalam kemewahan dan mempunyai taraf hidup yang tinggi
 - tiada ahli masyarakat yang hidup melarat dalam kemiskinan
 - pendapatan isi rumah pendapatan negara berada pada tahap yang tinggi

Tanggungjawab pelajar dalam merealisasikan Wawasan 2020

- mengekalkan perpaduan
- saling memahami dan menghormati
- memiliki daya kreatif dan inovatif
- bersikap terbuka
- bangga dengan apa yang dicapai
- menghayati Falsafah Pendidikan Negara
- berusaha mengekalkan kemajuan negara
- menjadi masyarakat yang berbudaya penyayang

BAB 9: MALAYSIA DALAM KERJASAMA ANTARABANGSA

Dasar-Dasar Luar Malaysia

Perkembangan Dasar Luar Malaysia

Tahap Pertama: Tunku Abdul Rahman (1957 – 1970)

- Dasar pro-Barat yang antikomunis
- Dasar terbaik-baik dengan negara jiran dan Komanwel
- Ia dilaksanakan disebabkan faktor politik, ekonomi dan sosial.
- Faktor politik merujuk kepada ancaman komunis.
- Malaysia mendapatkan bantuan pertahanan daripada negara-negara Komanwel.
- Malaysia menandatangani Perjanjian Pertahanan Inggeris-Tanah Melayu (AMDA) 1956.
- Dasar terbaik dengan negara jiran disebabkan timbul krisis selepas Malaysia mencapai kemerdekaan seperti konfrontasi dengan Indonesia, terputusnya hubungan dengan Filipina (1963-1965) dan keluarnya Singapura daripada Malaysia.
- Malaysia menandatangani beberapa perjanjian dan menubuhkan ASA 1961 dan Maphilindo pada 1962 serta ASEAN pada 1967.
- Faktor ekonomi pula memperlihatkan pergantungan Malaysia kepada Britain.
- kerana Malaysia anggota blok sterling, mengharapkan permintaan negara Barat
- terhadap hasil timah dan getah dan pelabur Britain masih menguasai peratus yang besar dalam ekonomi Malaysia.
- Bagi mengurangkan kebergantungan ini, Malaysia yang mengamalkan pasaran bebas
- Mula membina rangkaian perdagangan dengan negara-negara lain seperti Jepun.

Tahap Kedua: Tunku Abdul Razak (1972 -1976) & Tun Hussein (1976 – 1981)

- Mengamalkan dasar berkecuali dan terbaik-baik dengan semua negara.
- Perubahan ini disebabkan kurangnya peranan AMDA dan kurangnya pengaruh Britain di timur
- Ia juga kerana pergolakan yang berlaku di Vietnam.
- Mengisytiharkan ZOPFAN
- Menjalin hubungan diplomatik dengan negara berfahaman komunis seperti China.
- Menjalin hubungan diplomatik dengan Vietnam pada 1976.

Dato Seri Dr.Mahathir Mohamad (1981 – 2003)

- Dasar tahap ini mengekalkan dasar tahap kedua tetapi memberi penekanan kepentingan ekonomi.
- Malaysia menjalin hubungan yang lebih erat dengan negara ASEAN, seperti menyelesaikan krisis Vietnam dan Kampuchea.
- Memperkenalkan Dasar Pandang ke Timur pada 1982 dengan menggunakan Jepun dan Korea Selatan sebagai model pembangunan.
- Malaysia mempertingkatkan hubungan dua hala dengan negara lain menerusi
- lawatan yang dilakukan oleh Perdana Menteri, Dato Seri Dr Mahathir ke negara Afrika, Amerika Selatan Caribbean dan Pasifik Selatan.
- Melalui siri lawatan ini, Malaysia menandatangani perjanjian perdagangan dua hala.
- Malaysia menjalin hubungan dengan negara Dunia Ketiga.

Malaysia Dalam Pertubuhan Antarabangsa

Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM);

- Dalam Sidang Kemuncak Ke-7 di New Delhi, Malaysia membuat usul isu Palestin, kerjasama ekonomi dan isu Antartika (1 contoh sahaja)
- Dalam Sidang Kemuncak Ke-8 di Harare, Malaysia mengemukakan cadangan menghapuskan dasar apartied
- Dalam Sidang Kemuncak di Belgrade, Malaysia dipilih sebagai Naib Presiden
- Malaysia menjadi ahli Kumpulan 16
- Malaysia menjadi tuan rumah Persidangan ke-13 tahun 2003 yang membincangkan isu Palestin, isu Iraq dan usaha menghidupkan kembali peranan NAM (1 contoh sahaja).
- Deklarasi Kuala Lumpur menekankan usaha menghidupkan kembali NAM dan pernyataan bersama telah dikeluarkan tentang kedudukan Palestin dan serangan Amerika Syarikat terhadap Iraq.

Negara-Negara Selatan;

- Suruhanjaya Selatan-Selatan(3S) merupakan idea Dr. Mahathir Mohamad semasa Sidang Kemuncak NAM di Zimbabwe. Dikenali juga negara Dunia Ketiga
- Strateginya adalah dengan menubuhkan Kumpulan 15 (G15) pada tahun 1989.
- Sidang Kemuncak G15 pertama di Kuala Lumpur pada tahun 1990
- Projek 3S iaitu kerjasama dalam bidang sains dan teknologi, penubuhan Pusat Pertukaran Data Pelaburan Perdagangan dan Teknologi Selatan di Kuala Lumpur. (1 contoh sahaja)
- Malaysia terlibat dalam projek lain seperti penubuhan Sistem Keistimewaan Perdagangan Global dan penubuhan kemudahan kredit dan mekanisme kewangan pembiayaan perdagangan. (1 contoh sahaja)

Pertubuhan Persidangan Islam (OIC);

- Tunku Abdul Rahman menjadi Setiausaha Agung yang pertama
- Malaysia menjadi perantara dalam menyelesaikan peperangan Iran-Iraq.
- Terlibat dalam bantuan pasukan perubatan ke Lubnan, Bosnia dan Afghanistan
- C Memberi bantuan kewangan kepada negara Islam kurang maju seperti Sudan, Nigeria dan Chad.
- Universiti Islam Antarabangsa (UIA) Malaysia menyediakan peluang pendidikan
- Malaysia mengesyorkan penggunaan dinar emas
- Memperjuangkan hak dan kebajikan negara-negara Islam
- Menyelesaikan isu Palestin
- Menjadi tuan rumah Persidangan Luar Biasa Menteri Luar OIC berkenaan takrif keganasan global pada tahun 2002.
- Menjadi tuan rumah Persidangan OIC 1974 dan 2003.